



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 24 JULAI 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 109)

[SOALAN NO. 2 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.23]

[SOALAN NO.4 DIJAWAB BERSEKALI SOALAN NO.53, NO.64, NO.90 DAN NO.97]

[SOALAN NO.5 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.67]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI]

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 8

Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menaiktarafkan jalan keretapi ke Pantai Timur menjadi rel berkembar (*double track*). Jika ya, bila ia akan bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menaiktaraf landasan keretapi (KTMB) sedia ada daripada landasan tunggal kepada landasan berkembar.

Namun begitu, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan sedang fokus untuk melaksanakan Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Landasan dan Jambatan Keretapi di Pantai Timur (Gemas ke Tumpat). Kos projek ini dianggarkan sebanyak RM868.5 juta dan dijangka siap pada tahun 2019.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
KAWASAN : TASEK GELUGOR
TARIKH : 24 JULAI 2017, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini projek jalan raya yang menggunakan getah beku bagi teknologi penurapan jalan raya melalui kaedah Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan (CMA) serta sejauh manakah keberkesanan teknologi ini dalam mengatasi masalah jalan yang berlekuk disebabkan kenderaan berat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian penggunaan Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan atau Cuplump Modified Asphalt (CMA) bersama dengan pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah dimeterai melalui satu Memorandum of Agreement (MOA) yang ditandatangani pada Jun 2015. Perjanjian ini mengambil masa selama 5 tahun iaitu sehingga 2019.

Pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) masih dalam peringkat penilaian bagi menentukan kesesuaian turapan jalan yang menggunakan CMA. Ia merujuk kepada 3 lokasi kajian perintis CMA, iaitu di Daerah Tampin, Negeri Sembilan; Baling, Kedah, dan Temerloh Pahang.

Oleh kerana lokasi kajian perintis hanya melibatkan jarak yang pendek iaitu 1km bagi setiap lokasi, maka projek perintis akan dilaksanakan bagi mendapatkan penilaian yang lebih komprehensif.

Projek perintis yang dicadangkan iaitu:

1. Projek Central Spine Road: Membina Jalan Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan. Pakej 1B: Pasir Hor Ke Kadok sepanjang 2 km; dan
2. Projek Membina Semula Jalan Persekutuan FT001 Dari Kampung Desa Temu Jodoh (Seksyen 134) hingga Kampung Kwong Sai (Seksyen 174), Daerah Segamat, Johor sepanjang 10 km.

Penemuan terhadap pemantauan prestasi CMA di 3 tapak kajian yang dibina setakat ini belum menunjukkan sebarang perbezaan yang ketara dengan asphalt konvensional.

Penggunaan CMA secara meluas adalah bergantung kepada pelbagai aspek termasuk keberkesanan penggunaan bahan CMA sebagai turapan asphalt, kos bahan binaan, kecukupan bahan mentah dan proses penghasilan CMA. Pihak Kementerian tiada halangan untuk menggunakan CMA sekiranya ia memberi kesan positif dan signifikan kepada prestasi turapan jalan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH: 24 JULAI 2017

SOALAN:

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian ke atas majikan yang enggan melaksanakan dasar gaji minima, dan adakah Kementerian akan mengikut langkah negara berpendapatan tinggi di Asia yang menyelaraskan gaji minima berpandukan kos sara hidup semasa.

PR-1352-L02021

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa dasar gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini supaya para pekerja mendapat manfaat daripada dasar ini. Bagi memastikan majikan-majikan membayar gaji minimum sebagaimana ditetapkan, pihak Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja menjalankan pemeriksaan berkanun ke premis-premis majikan di seluruh negara.

2. Bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Mei 2017, sebanyak 419 fail pendakwaan atas pertuduhan tidak membayar gaji minimum telah dibuka yang mana 268 kes (64%) telah diberi izin dakwa oleh Penasihat Undang-Undang Jabatan Tenaga Kerja untuk dibawa ke peringkat perbicaraan. Daripada jumlah ini, 189 (71%) kes pendakwaan telah selesai dibicarakan dengan denda yang telah dikenakan oleh mahkamah kepada majikan-majikan terbabit adalah berjumlah RM633,700.00. Baki sebanyak 79 (29%) kes masih menunggu tarikh perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732), majikan-majikan yang gagal membayar gaji minimum boleh dikenakan hukuman seperti berikut:

- i) Bagi kesalahan pertama, hukuman denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap seorang pekerja. Mahkamah juga boleh perintahkan majikan untuk membayar perbezaan gaji pokok termasuk sebarang tunggakan gaji pokok dan bayaran-bayaran lain;
- ii) Bagi kesalahan berterusan, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 sehari;
- iii) Bagi kesalahan berulang, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun; dan
- iv) Bagi kesalahan-kesalahan yang tidak dinyatakan dalam Akta, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000.

Dalam hal ini, Kementerian menyeru kepada para pekerja yang tidak dibayar gaji minimum agar tampil ke Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran untuk membuat aduan supaya tindakan lanjut dapat diambil oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, berhubung isu penyelarasan gaji minimum mengikut kos sara hidup semasa, secara amalnya Kajian Semula Perintah Gaji Minimum akan dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) sekurang-kurangnya sekali

dalam tempoh 2 tahun selaras dengan peruntukan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732). Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2016 akan dibuat pada tahun 2018 dan sebarang syor MPGN akan diputuskan oleh Kerajaan dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam menetapkan kadar gaji minimum sedia ada, MPGN telah pun mengambil kira aspek perubahan kos sara hidup iaitu Indeks Harga Pengguna/*Consumer Price Index (CPI)* sebagai indikator utama dalam membuat pertimbangan. Selain itu, indikator-indikator lain juga turut diambil kira seperti kadar pertumbuhan produktiviti, gaji penengah (keupayaan majikan untuk membayar gaji minimum), kadar pengangguran sebenar, pendapatan garis kemiskinan dan sebagainya. Di samping itu, sebab-sebab lain juga perlu diambil kira dalam menetapkan kadar gaji minimum baharu, antaranya adalah pandangan semua pihak melalui pendekatan berhemah iaitu *balanced approach* dengan mengimbangi kepentingan majikan, pekerja dan juga Kerajaan.

6. Kesimpulannya, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan pada masa sekarang bagi memastikan apa-apa keputusan yang dibuat berhubung kenaikan kadar gaji minimum adalah agar ianya tidak membebankan majikan sehingga membawa mudarat kepada pekerja seperti pembuangan pekerjaan akibat ketidakmampuan majikan membayar gaji minimum tersebut. Selain itu, pertimbangan yang diambil oleh Kerajaan juga adalah langkah secara berperingkat dan

bukan atas dasar ingin meraih populariti semata-mata. Melalui pendekatan ini Kerajaan percaya daya saing negara dapat dikekalkan sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa dan hasrat menjadi negara berpendapatan tinggi tetap menjadi keutamaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha bagi membanteras skim pelaburan palsu yang telah mengakibatkan ribuan rakyat negara ini mengalami kerugian dan sejauh manakah ia mempunyai kaitan dengan sumbangan untuk dana politik parti-parti tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mewujudkan pelbagai inisiatif untuk membanteras skim

pelaburan palsu yang ditawarkan kepada orang awam di Malaysia. Antara inisiatif-inisiatif yang diambil oleh SC adalah seperti berikut :

- i) Mewujudkan program pendidikan pelabur SC untuk menyampaikan maklumat-maklumat kesedaran dan amaran mengenai skim-skim pelaburan palsu dan meragukan yang bertujuan mencegah orang awam daripada terjebak dengan skim-skim sebegini. Inisiatif ini dilakukan menerusi penyebaran maklumat melalui risalah, artikel-artikel, iklan, video dan wawancara di media massa, laman sesawang dan media sosial, seminar pendidikan serta acara turun padang bagi tujuan berinteraksi secara langsung dengan orang awam;
- ii) Melaksanakan tindakan pemantauan ke atas skim-skim yang meragukan yang didedahkan di media massa, laman-laman sesawang dan media sosial seperti *blog* dan *Facebook*. SC juga mendapat maklumat daripada orang awam yang menghubungi SC untuk menyemak status perlesenan atau kelulusan sesuatu skim pelaburan sebelum mereka membuat keputusan untuk melabur;
- iii) Mewujudkan Senarai Amalan Pelabur (*Investor Alert List*) yang menyenaraikan skim-skim pelaburan yang meragukan dan mempunyai elemen aktiviti-aktiviti pasaran modal tanpa lesen atau tanpa kelulusan daripada SC, bagi tujuan rujukan awal untuk orang awam. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, sebanyak 53

skim-skim pelaburan telah disenaraikan dalam Senarai Amaran Pelabur ini. Senarai ini boleh diakses melalui laman sesawang SC di www.sc.com.my dan juga di aplikasi mudah alih *InvestSmart App*;

iv) Mengambil tindakan penguatkuasaan seperti tindakan pentadbiran serta pendakwaan jenayah dan sivil ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam menganjurkan skim-skim pelaburan yang terbukti melanggar undang-undang SC; dan

v) Penglibatan SC secara aktif dalam Jawatankuasa Kecil ke atas Kesalahan berkaitan Penipuan dan Komplot Kewangan (*Sub-Committee on Offences related to Financial Fraud and Scams, SCOFFS*) yang ditubuhkan oleh Jabatan Peguam Negara. Melalui SCOFFS, agensi-agensi penguatkuasaan seperti SC, Bank Negara Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dapat berkongsi maklumat dan merangka strategi penguatkuasaan secara bersepadu ke atas skim-skim pelaburan palsu seperti mana yang telah diambil ke atas skim pelaburan JJPTR (*JJ Poor To Rich Investment Scheme*) dan *MBI Group International* baru-baru ini.

Oleh yang demikian, dalam tempoh lima tahun yang lepas, SC telah

mengambil beberapa tindakan penguatkuasaan seperti berikut :

Tindakan Pendakwaan Jenayah	<ul style="list-style-type: none"> • Mendakwa tiga individu kerana menjalankan perniagaan dalam derivatif tanpa lesen; dan • Mendakwa tiga individu kerana menawarkan dan menerbitkan saham secara tidak sah tanpa mendaftarkan prospektus dengan SC.
Tindakan Pendakwaan Sivil	<ul style="list-style-type: none"> • Pengembalian wang yang membabitkan skim dagangan sekuriti dan derivatif tanpa lesen yang melibatkan wang terkumpul sebanyak kira-kira RM665,069 kepada para pelabur yang layak.
Tindakan Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> • Celaan dan denda ke atas seorang individu kerana menjalankan aktiviti pengurusan dana tanpa lesen; • Celaan dan denda ke atas dua individu kerana bersubahat dalam menjalankan aktiviti pengurusan dana tanpa lesen; • Pengembalian wang yang membabitkan skim dagangan sekuriti dan derivatif tanpa lesen yang melibatkan wang terkumpul sebanyak kira-kira RM680,667 kepada para pelabur yang layak; dan • Surat arahan pemberhentian ke atas tiga syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam sekuriti dan derivatif tanpa lesen.

Walau bagaimanapun, setakat ini, skim-skim pelaburan palsu yang diambil tindakan penguatkuasaan oleh SC sepanjang tempoh lima tahun yang lepas tidak menunjukkan sebarang kaitan dengan

sumbangan untuk dana politik parti-parti tertentu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN HEE LOY SIAN**
KAWASAN : **PETALING JAYA SELATAN**
TARIKH : **24 JULAI 2017**
NO. SOALAN : **12**

SOALAN

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan laporan kehilangan peralatan radar ketenteraan berteknologi tinggi yang dibawa dari Australia ke Belanda melalui Pelabuhan Tanjung Pelepas :-

- (a) adakah ia mengikut prosedur operasi piawai (SOP) yang ditetapkan oleh MITI sebelum dibenarkan dihantar ke Belanda; dan
- (b) hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Perdagangan Strategik (STA) 2010 memperuntukkan kawalan aktiviti pengeksporan, transit dan pemindahan (transhipmen) barangan strategik, terdiri dari barangan ketenteraan dan dwiguna (*dual-use*) yang disenarai dan tidak tersenarai di bawah STA 2010.

Untuk makluman, pada 22 Mei 2017, kontena yang disyaki mengandungi peralatan radar ketenteraan telah diimbas dan dibuka, dan didapati membawa peralatan radar tentera milik Kementerian Pertahanan Netherlands yang dibeli dari Australia. Berdasarkan hasil semakan dan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan pakar teknikal dari Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kementerian Pertahanan Malaysia, radar tentera tersebut adalah diklasifikasikan sebagai barangan strategik di bawah Senarai Barangan Ketenteraan (ML) di bawah STA 2010 dengan kod kategori ML5.b. yang memerlukan permit yang sah di bawah STA 2010 yang dikeluarkan oleh MITI. Walau bagaimanapun, MITI tidak menerima permohonan rasmi daripada syarikat untuk mendapatkan permit.

Sehingga kini, kes ini masih dalam siasatan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 13

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah dengan penambahan pemasangan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) telah berjaya mengurangkan kemalangan dan kesalahan lalu lintas terutama pada ops raya yang lalu. Dan apakah peratusan kejayaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa pelaksanaan AES yang kini telah diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System (AwAS)* telah terbukti secara data saintifik dalam mengurangkan bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya. Sebagai contoh, analisis terkini yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) semasa Operasi Tahun Baru Cina (OPS TBC) 2017 di tujuh (7) lokasi mudah alih menunjukkan peningkatan kadar pematuhan had laju sebanyak 18.9% iaitu meningkat dari 60.3% sebelum penguatkuasaan kepada 79.2% selepas penguatkuasaan.

Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan tiada kematian yang dicatatkan bagi tempoh OPS TBC 2017 berbanding 2 kematian yang dicatatkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama. Bilangan kemalangan juga telah menurun sebanyak 18 kes (90%) kemalangan iaitu daripada 20 kes pada tahun 2016 kepada 2 kes pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira senario tersebut, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menambah pemasangan kamera tetap di tujuh (7) lokasi baharu selain 14 lokasi sedia ada pada pertengahan bulan Jun 2017 menjelang musim perayaan yang lepas. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pihak MIROS masih dalam proses melakukan analisis dan pengumpulan data untuk menilai keberkesanan di 7 lokasi tambahan kamera AwAS.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING
(SERDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa insurans kesihatan swasta tidak merangkumi rawatan kesihatan mental dan mengapa syarikat insurans dibenarkan untuk menafikan insurans kesihatan kepada individu yang pernah menghadapi isu kesihatan mental.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penawaran perlindungan insurans swasta untuk rawatan penyakit mental berdepan dengan beberapa cabaran besar, terutamanya isu kekurangan data untuk menilai dan menentukan harga bagi risiko-risiko yang diinsurans,

serta isu etika iaitu sama ada golongan ini mampu memahami kandungan polisi yang dibeli dan berupaya untuk memasuki kontrak undang-undang. Negara-negara lain termasuk negara-negara maju juga menghadapi cabaran dan isu yang sama seperti Malaysia. Oleh sebab itu, rawatan dan kemudahan untuk individu yang menghadapi isu kesihatan mental kebanyakannya disediakan oleh perkhidmatan kesihatan awam.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Persatuan Industri Insurans Hayat Malaysia (LIAM), terdapat juga beberapa syarikat insurans yang menyatakan kesediaan kemungkinan untuk menawarkan perlindungan insurans bagi kes-kes kesihatan mental tertentu. Terdapat juga beberapa penanggung insurans dan takaful yang sudah pun mula menawarkan produk insurans dan takaful untuk orang kurang upaya fizikal. Ini termasuk pelan takaful kemalangan yang dibangunkan khusus untuk orang kurang upaya fizikal, dan juga insurans hayat dan insurans perubatan dan kesihatan yang boleh dibeli oleh orang kurang upaya fizikal.

Oleh yang demikian, antara produk-produk yang disediakan untuk golongan kurang upaya yang telah diperkenalkan oleh industri adalah seperti berikut :

- i) Agro Nurani, iaitu manfaat kematian akibat kemalangan atau pun penyakit biasa, elaun tunai wad akibat kemalangan dan perbelanjaan pengkebumian yang diedarkan melalui Agrobank dan diunderait oleh Takaful Ikhlas Berhad;
- ii) *Allianz Ability Life*, iaitu pelan insurans hayat yang diunderait oleh Allianz Life Insurance Malaysia Berhad; dan
- iii) *Allianz Care Individual*, iaitu manfaat kemasukan ke hospital dan perbelanjaan pembedahan yang diunderait oleh Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad.

Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, industri insurans, agensi-agensi lain dan turut akan melibatkan persatuan yang berkepentingan seperti Persatuan Kesihatan Mental Malaysia, dalam usaha membangunkan produk insurans yang mampu dibeli dan mudah diakses bagi golongan kurang upaya. BNM juga bersedia untuk bertemu dengan mana-mana agensi bagi membincangkan mengenai perkara ini dengan lebih lanjut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. MAKIN @
MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

**YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) jumlah kakitangan awam yang bertaraf sementara (jabatan Kerajaan dan agensi) yang telah diberhentikan kerja dan adakah mereka ini akan ditawarkan kerja semula sekiranya ekonomi negara sudah pulih kelak; dan
- (b) apakah reaksi rakyat terhadap langkah kerajaan mengurangkan kakitangan kerajaan ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kakitangan awam yang bertaraf sementara boleh ditakrifkan sebagai kakitangan awam lantikan kontrak. Perkhidmatan sementara atau kontrak ini adalah bagi tempoh yang dinyatakan dalam kontrak pelantikan. Bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 1 Januari 2017, seramai 3,466 pegawai lantikan kontrak telah tamat perkhidmatan berdasarkan perjanjian kontrak.

Bagi tujuan berkhidmat semula dalam perkhidmatan awam, adalah menjadi tanggungjawab bekas pegawai lantikan kontrak untuk memohon jawatan yang bersesuaian dengan Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman yang dimiliki. Pengalaman berkhidmat dengan Kerajaan merupakan kelebihan kepada bekas pegawai kontrak berbanding dengan calon lain (*fresh candidate*) semasa proses temuduga.

Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk mengurangkan kakitangan tetap sedia ada. Adalah menjadi keutamaan Kerajaan

untuk memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang terbaik dari segi kualiti perkhidmatan dan tempoh masa penyampaian perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai Syarikat-syarikat Money Game atau skim cepat kaya yang disiasat oleh Bank Negara Malaysia dalam tahun 2017. Berapakah jumlah duit yang dibekukan dan bilakah duit yang dibekukan akan dikembalikan kepada mangsa pelabur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti skim cepat kaya merupakan satu kesalahan yang tertakluk di bawah bidang kuasa agensi-agensi seperti berikut :

- i) Bank Negara Malaysia (BNM), untuk kesalahan pengambilan

deposit secara haram;

ii) Polis DiRaja Malaysia (PDRM), untuk kesalahan berunsur penipuan;

iii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), untuk kesalahan menjalankan perniagaan skim piramid;

iv) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), untuk kesalahan berkaitan dengan skim kepentingan; dan

v) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), untuk kesalahan berkaitan pelaburan sekuriti haram.

Oleh itu, tindakan boleh diambil di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh agensi-agensi berkenaan bergantung kepada elemen-elemen kesalahan aktiviti skim cepat kaya tersebut. Satu inisiatif bersepadu telah dilaksanakan antara agensi-agensi berkaitan yang diketuai oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) bertujuan untuk memastikan perkongsian maklumat dan kerjasama yang lebih berkesan dengan menjalankan operasi bersepadu atas syarikat-syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti skim kewangan haram, serta mencegah dan membanteras aktiviti-aktiviti haram tersebut daripada berleluasa.

Sehubungan dengan itu, pada bulan Mei 2017, tiga operasi bersepadu untuk membanteras isu skim cepat kaya telah dilaksanakan dengan diselaraskan oleh AGC dan masing-masing diketuai oleh PDRM dan KPDKK. Melalui operasi tersebut, sebanyak sembilan kertas siasatan telah dibuka oleh agensi-agensinya di bawah Kanun Keseksaan 1936, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993, Akta Syarikat 2016, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan juga Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001(AMLATFA). Sebanyak 165 akaun bank yang melibatkan wang berjumlah lebih kurang RM296 juta telah dibekukan oleh pihak berkuasa.

NO SOALAN : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
(KUALA PILAH)**

**TARIKH : 24.07.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan tindakan atau terdapatkah perancangan Kerajaan untuk mengeluarkan 5000 rakyat Malaysia yang berada di Qatar sekiranya krisis diplomatik di Teluk menjadi lebih teruk.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Keadaan kehidupan 5000 rakyat Malaysia di Qatar masih aman dan berjalan seperti biasa. Ini kerana konflik di negara berkenaan masih di peringkat pertikaian diplomatik dan belum menggugat keselamatan rakyat. Sekiranya konflik telah memasuki tahap yang lebih serius dan menggugat keselamatan rakyat Malaysia di sana, Malaysia melalui kedutaan besar di Doha, Qatar akan melaksanakan pelan tindakan evakuasi dengan kerjasama pihak negara berkenaan.

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. USTAZ DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB. Ustaz Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kesan pelaksanaan cukai pelancongan kepada industri pelancongan dan para pelancong.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cukai Pelancongan merupakan cukai yang dikenakan kepada pelancong asing yang menginap di premis penginapan berbayar di seluruh Malaysia. Cukai ini merupakan cukai Persekutuan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017.

Pelaksanaannya merupakan suatu usaha Kerajaan dalam memacu industri pelancongan dan kebudayaan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui Cukai Pelancongan ini, industri pelancongan negara kita akan lebih berdaya maju disebabkan adanya sumber yang mampan (*sustainable*) yang berupaya meningkatkan industri ini melalui aktiviti promosi dan pemasaran yang lebih agresif dan efektif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 19

Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai insiden kontena yang mengandungi peralatan radar tentera berteknologi tinggi yang didakwa hilang di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) baru-baru ini dan apakah langkah yang diambil pihak Kementerian bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kenyataan media yang melaporkan tentang radar tentera berteknologi tinggi hilang di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) adalah tidak benar.

Berdasarkan laporan yang diterima daripada Lembaga Pelabuhan Johor selaku penguatkuasa pelabuhan PTP, pada 3 Mei 2017, syarikat perkapalan *Mediterranean Shipping Company* menurunkan kontena di PTP disebabkan tidak mempunyai dokumentasi lengkap. Maka pihak PTP selaku operator pelabuhan telah menandakan kontena berkenaan sebagai *unknown container* dan telah melaksanakan usaha wajar (*due diligence*) dalam melaporkan kedudukan kontena berkenaan kepada agensi-agensi penguatkuasa dan Kementerian yang berkaitan.

Berdasarkan siasatan awal oleh agensi penguatkuasa, adalah didapati bahawa jenis kargo di kontena berkenaan adalah *Radar System Support, Test Equipment* dan *Spare Parts* dan bukan radar tentera berteknologi tinggi seperti dilaporkan oleh media. Seterusnya kargo berkenaan diasingkan dan diletakan di lapangan pemunggahan (*holding area*).

Pada 19 Mei 2017, syarikat perkapalan Maersk mengikrarkan bahawa kontena berkenaan adalah kepunyaan syarikat. Kekeliruan berlaku disebabkan kontena berkenaan dibawa melalui *Vessel Sharing Agreement* yang wujud antara *Mediterranean Shipping Company* dan syarikat perkapalan Maersk. Disebabkan kontena berkenaan tidak

tersenarai dalam *inbound manifest list* maka *Mediterranean Shipping Company* tidak dapat mengenalpasti identiti kargo berkenaan sebelum diturunkan di PTP.

Pada 3 Jun 2017, selepas pengesahan oleh syarikat perkapalan Maersk, kontena berkenaan telah dibawa keluar daripada PTP oleh syarikat perkapalan tersebut dengan menggunakan kapal Emma Maersk untuk dihantar ke pemilik kargo di Netherlands.

Walaupun, Kerajaan telah mengarahkan agensi-agensipenguatkuasa untuk mengenalpasti kesahihan tatacara dan kebenaran yang diberikan untuk memuat naik kontena berkenaan yang terletak di lapangan pemunggahan (*holding area*) ke kapal Emma Maersk khususnya daripada aspek ketidakakuran yang berlaku terhadap mana-mana prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Kerajaan masih menunggu laporan daripada agensi-agensipenguatkuasa yang berkaitan.

Dalam pada itu, Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan Lembaga Pelabuhan Johor dan PTP untuk memperhalusi dan memperkemaskan kesemua *Standard Operating Procedure* termasuk sistem perisian komputer yang digunakan di dalam pengurusan dan pengendalian kargo di pelabuhan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci pengundi yang belum berdaftar mengikut pecahan umur, kaum etnik dan negeri setakat Jun 2017, jumlah bantahan terhadap pengundi baru di seluruh negara dan adakah pemegang kad pengenalan sementara diberi kebenaran untuk mengundi dalam pilihan raya di negara ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih sehingga 31 Mac 2017 adalah seramai 3,772,149 orang. Selain itu, bagi tempoh pendaftaran dari bulan Januari hingga Mac 2017, sebanyak 1,454 bantahan telah diterima oleh SPR.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa kelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih ialah pemohon merupakan seorang warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan dan bermastautin dalam mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia. Berhubung dengan isu mengenai kelayakan pemegang kad pengenalan sementara untuk mengundi, mana-mana pemegang kad pengenalan sementara bukan merupakan warganegara. Oleh itu, pemegang kad pengenalan sementara tersebut tidak layak untuk mendaftar sebagai pemilih dan seterusnya tidak berhak untuk mengundi dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH : 24.07.2017 (ISNIN)

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan KR1M di seluruh Malaysia, senaraikan mengikut negeri. Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan dalam projek ini dan senaraikan mengikut tahun. Selain Mydin, nyatakan syarikat lain yang terlibat dalam projek ini dan adakah Kerajaan masih terus memberi subsidi kepada KR1M yang mengalami kerugian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak 185 buah KR1M telah dibangunkan di seluruh negara iaitu sebanyak 130 di Semenanjung, 21 di Sabah, 33 di Sarawak dan sebuah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM106.37 juta bagi kos pembangunan KR1M di seluruh Negara dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut :

Tahun 2012 – RM7.15 juta

Tahun 2013 – RM27.56 juta

Tahun 2014 – RM33.54 juta

Tahun 2015 – RM26.57 juta

Tahun 2016 – RM0.74 juta

Tahun 2017 – RM10.81 juta

Program KR1M ini dikendalikan oleh hanya sebuah syarikat iaitu syarikat MRT Retail Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat kepada Mydin Mohamed Holdings Berhad.

Tuan Yang Di-Pertua,

Syarikat MRT Retail Sdn. Bhd. bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua kos operasi pengendalian KR1M di seluruh Negara dan Kerajaan tidak pernah memberi sebarang subsidi kepada pihak mereka.

SOALAN (22)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24 JULAI 2017
[ISNIN]
DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]

SOALAN :-

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah kerajaan akan membina balai bomba baru di kawasan Parlimen Bakri dan senaraikan peralatan dan kelengkapan yang sedia ada di Daerah Muar serta bilakah akan menaik taraf Balai Bomba Daerah Muar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenal pasti tapak tanah seluas 0.4591 ekar di Lot 15603, Jalan Bakri, Bandar Muar untuk pembinaan Balai Bomba di kawasan Parlimen Bakri dan sedang dalam proses permohonan tanah. KPKT akan memohon pembinaan Balai Bomba ini setelah perolehan tanah selesai dilaksanakan yang dijangka pada tahun 2019.

Daerah Muar pada ketika ini mendapat perlindungan kebombaian dari Balai Bomba dan Penyelamat Muar yang dianggotai **92 anggota** dan dilengkapi dengan peralatan seperti berikut:

- (i) 3 buah Jentera Bomba;
- (ii) Sebuah Jentera Tangki Air;
- (iii) Sebuah Emergency Medical Rescue Services (EMRS);

- (iv) 3 buah Motorsikal Gerak Cepat;
- (v) 2 buah bot aluminium;
- (vi) Sebuah Fire Rescue Bot;
- (vii) 2 buah Jetski;
- (viii) 1 buah lori 5 tan; dan
- (ix) 1 buah lori 3 tan.

Pada masa ini, tiada perancangan untuk menaiktaraf Balai Bomba dan Penyelamat Muar. Walau bagaimanapun, Balai Bomba dan Penyelamat Muar sentiasa menjalani penyelenggaraan secara rutin pada setiap tahun.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 24

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menetapkan had masa laluan bagi kenderaan berat di Lebuh Raya Pasir Gudang bagi mengurangkan kesesakan yang sering kali berlaku di lebuh raya tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan cadangan untuk menetapkan had masa laluan bagi kenderaan berat di Lebuhraya Pasir Gudang bagi mengurangkan kesesakan yang sering kali berlaku, pihak Kementerian Pengangkutan setakat ini belum ada perancangan untuk melaksanakan perkara tersebut. Namun sekiranya terdapat keperluan, perkara ini boleh dipertimbangkan sekiranya mempunyai justifikasi yang kukuh serta setelah perbincangan diadakan bersama Kementerian Kerja Raya, agensi-agensi lain yang berkaitan dan juga pihak industri yang terlibat. Selain daripada masalah kesesakan, perkara-perkara yang melibatkan aspek lain seperti ekonomi, produktiviti dan juga *ease of doing business* juga perlu diambil kira sebelum sesuatu perkara dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
KAWASAN : LIPIS
TARIKH : 24 JULAI 2017, ISNIN

SOALAN:

YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan jalan berasaskan getah beku (cup lump) bagi teknologi penurapan jalan raya di Malaysia secara lebih meluas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian penggunaan Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan atau Cuplump Modified Asphalt (CMA) bersama dengan pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah dimeterai melalui satu Memorandum of Agreement (MOA) yang ditandatangani pada Jun 2015. Perjanjian ini mengambil masa selama 5 tahun iaitu sehingga 2019.

Pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) masih dalam peringkat penilaian bagi menentukan kesesuaian turapan jalan yang menggunakan CMA. Ia merujuk kepada 3 lokasi kajian perintis CMA, iaitu di Daerah Tampin, Negeri Sembilan; Baling, Kedah, dan Temerloh Pahang.

Oleh kerana lokasi kajian perintis hanya melibatkan jarak yang pendek iaitu 1km bagi setiap lokasi, maka projek perintis akan dilaksanakan bagi mendapatkan penilaian yang lebih komprehensif.

Projek perintis yang dicadangkan iaitu:

1. Projek Central Spine Road: Membina Jalan Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan. Pakej 1B: Pasir Hor Ke Kadok sepanjang 2 km; dan
2. Projek Membina Semula Jalan Persekutuan FT001 Dari Kampung Desa Temu Jodoh (Seksyen 134) hingga Kampung Kwong Sai (Seksyen 174), Daerah Segamat, Johor sepanjang 10 km.

Penemuan terhadap pemantauan prestasi CMA di 3 tapak kajian yang dibina setakat ini belum menunjukkan sebarang perbezaan yang ketara dengan asphalt konvensional.

Penggunaan CMA secara meluas adalah bergantung kepada pelbagai aspek termasuk keberkesanan penggunaan bahan CMA sebagai turapan asphalt, kos bahan binaan, kecukupan bahan mentah dan proses penghasilan CMA. Pihak Kementerian tiada halangan untuk menggunakan CMA sekiranya ia memberi kesan positif dan signifikan kepada prestasi turapan jalan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah dana yang telah dibelanjakan Prasarana Berhad dan perolehan "revenue" dari semua projek pengangkutan (termasuk Metro Makkah) yang ia terlibat di Arab Saudi dari tahun 2014 hingga Jun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, nilai kontrak Prasarana di Arab SaudACi yang merangkumi projek *Al Mashaer Al Mugaddasah Metro Southern Line* (MMMSL) dan *Makkah Shadow Operator* bagi tempoh Disember 2014 sehingga Mei 2018 adalah berjumlah RM930 juta.

Jumlah perolehan yang diterima setakat 30 Jun 2017 adalah sebanyak RM580 juta manakala jumlah dana yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM679 juta. Sehingga kini, terdapat tuntutan pembayaran yang telah disahkan dan masih belum diterima sebanyak RM115 juta. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kontrak Prasarana di Arab Saudi adalah masih berlangsung sehingga Mei 2018 dan tuntutan pembayaran akan dilakukan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan Syarikat Prasarana dalam projek ini merupakan satu pengiktirafan antarabangsa terutama dalam dunia Islam terhadap syarikat milik negara untuk mengoperasikan perkhidmatan pengangkutan awam di negara tersebut. Malah syarikat kita diberi kepercayaan untuk mengendalikan pengangkutan awam ketika musim Haji di mana lebih 1.8 juta Jemaah Haji dari seluruh pelusuk negara tertumpu di Mekah, Arab Saudi. Hasil daripada perkhidmatan cemerlang Prasarana di Mekah ini, secara tidak langsung mengukuhkan hubungan baik dua hala di antara kedua-kedua kerajaan telah tidak secara langsung menyumbang kepada peningkatan pelaburan kerajaan Arab Saudi di Malaysia.

Secara keseluruhannya, penglibatan Prasarana dalam projek ini bukan sahaja telah meningkatkan nama Malaysia sebagai peneraju perkhidmatan pengangkutan awam di kalangan Negara Islam, malah menunjukkan komitmen Kerajaan sebagai sebuah negara Islam untuk meningkatkan syiar Islam menerusi mendukung Rukun Islam Kelima dengan memudahkan masyarakat Islam sedunia dalam mengerjakan ibadah haji.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 27

PR-1352-L01881

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan kerangka perundangan bagi menjadikan perbuatan menghina atau memalsukan maklumat sebagai satu kesalahan jenayah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan yang berkaitan mengambil pendekatan berbilang serampang di dalam menangani gejala penularan kandungan serta berita palsu di platform media sosial, laman sesawang dan Internet amnya.

SOALAN NO: 27

Dari aspek perundangan, perbuatan menghina atau memalsukan maklumat dikawal melalui penguatkuasaan peruntukan undang-undang sedia ada Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM98) khususnya di bawah peruntukan Seksyen 233.

Selain peruntukan AKM98, Akta Fitnah 1957, Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1984 dan sebagainya turut digunapakai dalam mengawalselia kandungan serta penyebaran kandungan serta berita palsu, serta apa-apa bentuk kandungan lain yang boleh menggugat keharmonian, kestabilan dan keselamatan negara. Peruntukan undang-undang sedia ada pada ketika ini dilihat mencukupi di dalam menangani gejala-gejala yang disebutkan, namun langkah pengemaskinian serta penambahbaikan akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan selaras peredaran semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan saiz dan nilai tanah TRX yang dibeli oleh entiti-entiti di bawah Kementerian kewangan (MOF) termasuk kos pembelian. Nyatakan juga status terkini serta pelan terperinci projek Tun Razak Exchange - TRX. Siapakah pemaju utama projek dan berapakah kos yang dibelanjakan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Setakat ini, kira-kira 70 peratus daripada plot yang tersedia di tapak projek Tun Razak Exchange ("TRX") telah dikomersialkan. Dengan keluasan tapak projek sejumlah 70 ekar, TRX berjaya menarik

minat pelbagai pelabur dan penyewa tempatan serta antarabangsa, termasuk bank-bank dan institusi kewangan utama dunia.

Berikut adalah senarai pembeli dan pelabur tanah di TRX:

- i. Lendlease melalui 60:40 usahasama dengan TRXC untuk membangunkan Lifestyle Quarter yang merangkumi tanah komersial, kediaman dan hotel;
- ii. Lembaga Tabung Haji – jualan tanah kediaman;
- iii. Mulia Property Development Sdn Bhd – jualan tanah komersial;
- iv. Affin Bank Berhad – jualan tanah komersial;
- v. WCT Precious Development Sdn Bhd – jualan tanah kediaman;
- vi. Syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (“MKD”) jualan tanah komersial; dan
- vii. HSBC – jualan tanah komersial.

Merujuk kepada transaksi-transaksi di atas, jumlah jualan telah mencapai lebih RM4 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Setiap Perjanjian Jual Beli adalah tertakluk kepada klausa sulit

(*confidentiality clause*, dengan izin) untuk menghormati pertimbangan komersial (*comercial consideration*, dengan izin) pembeli/ penjual. Beberapa transaksi penjualan tanah juga mempunyai terma-terma utama yang berbeza (*key terms*, dengan izin) untuk mencerminkan perbezaan bagi setiap jualan (*nature of each sale*, dengan izin). Namun demikian, terma-terma utama yang diguna pakai secara amnya konsisten dengan apa yang biasanya terdapat di pasaran bagi jenis urus niaga yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Projek TRX diterajui oleh TRX City Sdn Bhd ("TRX City") yang kini merupakan syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan). TRX City bertanggungjawab untuk membangunkan infrastruktur bertaraf global di TRX secara berperingkat-peringkat yang dianggarkan menelan belanja lebih kurang RM3 bilion. Pembangunan Fasa 1 TRX dijangka akan disiapkan pada penghujung tahun 2018.

NO. SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua syarikat, koperasi atau apa-apa badan yang telah diberi permit teksi berserta maklumat berikut (bagi setiap badan): jumlah permit yang diberikan dan tahun permit mula-mula diberikan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang lesen pengendali teksi dikeluarkan kepada syarikat oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sejak penubuhannya pada tahun 2010.
2. SPAD hanya mempunyai maklumat berkenaan rekod pengeluaran lesen pengendali teksi yang dikeluarkan kepada syarikat bermula tahun 2010 selepas mengambil alih fungsi daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) yang telah dibubarkan.
3. Jumlah permit teksi mengikut jenis syarikat yang kini berdaftar dengan SPAD adalah seperti berikut:

Jenis Syarikat	Jumlah Permit
Milik Tunggal	33,033
Perkongsian	637
Sendirian Berhad	48,166
Berhad	1,631
Koperasi	2,035
Persatuan	332
Jumlah Keseluruhan	85,840

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]

TARIKH JAWAPAN : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perancangan Kementerian bagi menangani masalah bekalan air bersih terawat di Langkawi, kerana mengikut kajian, pulau ini akan mengalami masalah bekalan air bersih pada tahun hadapan (2018) sekiranya tiada sebarang saluran paip air dari tanah besar dibina atau tiada empangan baru dibina di pulau ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan kepada kedudukan rizab margin air terawat iaitu 3.6% pada masa sekarang, keperluan bekalan air bersih di Pulau Langkawi adalah mendesak menjelang tahun 2018. Walaupun pada masa sekarang, kapasiti pengeluaran keseluruhan loji-loji rawatan air iaitu 97 JLH masih dapat menampung jumlah permintaan berjumlah 90 JLH, penyelesaian segera perlu dicari bagi memastikan Pulau Langkawi mempunyai kadar rizab margin yang selamat iaitu antara 10% hingga 15% yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

2. Di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11), Kerajaan Negeri Kedah telah melaksanakan Kajian Pembangunan Skim Bekalan Air Langkawi dan kajian tersebut mengenalpasti opsyen penyelesaian segera dan jangka panjang bagi meningkatkan keperluan bekalan air terawat di Pulau Langkawi sehingga tahun 2040 seperti berikut:
 - (i) **penyelesaian segera** melibatkan kerja-kerja seperti meningkatkan keupayaan *pump transfer* dari Padang Matsirat

Booster Station ke Padang Saga yang dijangkakan mampu menyediakan tambahan sebanyak 4.0 JLH. Melalui Program Pengurangan Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) secara berterusan bagi mencapai sasaran kadar NRW di tahap 25.0% pula, dijangka dapat membekalkan kapasiti air bersih tambahan sebanyak 10.0 JLH. Opsyen penyelesaian segera ini dijangkakan akan dilaksanakan pada tahun 2018; dan

- (ii) **penyelesaian jangka panjang** memfokus kepada mengatasi masalah kekurangan sumber air mentah, ketidakupayaan loji rawatan air sedia ada dan ketidakmampuan sistem agihan sedia ada melalui pelaksanaan projek-projek berikut:
 - (a) pembinaan *Off River Storage* (ORS) di Padang Matsirat bagi menyediakan keperluan air mentah yang kritikal terutamanya ketika musim kemarau. ORS ini akan membekalkan air mentah untuk kegunaan loji rawatan air sedia ada dan loji baharu sehingga tahun 2040. Cadangan ini akan dilaksanakan dalam *Rolling Plan 3*, RMKe-11;
 - (b) pembinaan loji rawatan air baharu berkapasiti 30 JLH berdasarkan kepada Unjuran Permintaan Air Terawat sehingga tahun 2040; dan

- (c) menaik taraf Sistem Agihan sedia ada di seluruh Langkawi untuk membekalkan bekalan air terawat kepada pengguna.

Tuan Yang Dipertua,

- 3. Kementerian ini yakin melalui pelaksanaan opsyen-opsyen yang dicadangkan, masalah bekalan air di Pulau Langkawi kepada pengguna domestik dan industri dapat diatasi dalam jangka panjang dan sekaligus menyokong Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama dunia.

Sekian, terima kasih

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN
RAMLI [PANDAN]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 31

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan semua tanah milik MARA di Kedah yang telah dijual/ditukar hakmilik diantara 2010 hingga 2017, beserta nama pemilik baru dan harga yang dibayar oleh pembeli bagi tanah-tanah MARA itu.

JAWAPAN :

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod dan semakan oleh pihak MARA, tiada tanah milik MARA di Kedah yang telah dijual atau ditukar hakmilik sepanjang tempoh 2010 hingga 2017.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Ismail Bin Daut [Merbok]

TARIKH : 24 Julai 2017

**SOALAN : Dr. Ismail Bin Daut minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:-**

langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan harga ikan dan sayuran adalah berpatutan apabila tibanya musim tengkujuh ataupun musim perayaan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah mengambil langkah-langkah seperti berikut bagi memastikan harga ikan dan sayuran adalah berpatutan apabila tiba musim tengkujuh atau musim perayaan:

- (1) Melaksanakan sekatan eksport bagi spesies ikan terpilih pada pra dan pasca perayaan serta musim tengkujuh di bawah Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia;
- (2) Menyediakan stok simpanan ikan sejuk beku bagi menampung bekalan ikan di kawasan tengah, selatan, utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia;
- (3) Mengalakkan penggunaan dan pemilihan ikan segar sejuk beku (Q'Fish) sebagai alternatif kepada ikan segar basah yang sukar diperolehi semasa musim tengkujuh; dan
- (4) Mengimport 9 komoditi sayur-sayuran segar terpilih ketika musim tengkujuh bagi menambah bekalan sayur-sayuran dan membantu menstabilkan harga di pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]
TARIKH : 24 Julai 2017
SOALAN : 33

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada satu poliklinik baru akan dibina di Sibu seperti mana yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan nyatakan jumlah peruntukan yang telah dan akan diluluskan serta bila ia akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Bahagian Sibu, Sarawak mempunyai 15 klinik kesihatan, 1 Klinik Ibu dan Anak, 1 Klinik Desa dan 9 Klinik 1Malaysia (K1M). Kementerian telah menambah perkhidmatan kesihatan di Sibu pada tahun 2016 iaitu pembukaan Klinik Kesihatan Sibu Jaya Jenis 3, K1M UTC Sibu dan K1M Rantau Panjang. Pada tahun ini, Kementerian akan membuka K1M Campus Park kepada masyarakat setempat, walau bagaimanapun klinik ini masih dalam proses renovasi dan 90 peratus siap serta dijangkakan akan siap sepenuhnya dalam masa terdekat. Pada masa ini, Kementerian tidak mempunyai rancangan untuk membina klinik kesihatan baru di Sibu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [SEPUTEH]

TARIKH : 24.07.2017 [ISNIN]

SOALAN : 34

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai wakil rakyat dan bekas wakil rakyat yang telah diambil tindakan termasuk pendakwaan ke mahkamah oleh SPRM sejak tahun 2016. Apakah Kabinet akan minta SPRM membatalkan keputusannya untuk ambil tindakan terhadap ahli politik selepas PRU-14 demi membuktikan kabinet serius untuk melawan rasuah dan penyelewengan kuasa.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Senarai nama wakil rakyat dan bekas wakil rakyat yang telah didakwa di mahkamah atas kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 bagi tahun 2016 sehingga Jun 2017 adalah seperti berikut:

- i. Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang-Ahli Parlimen Bagan)
- ii. Dato' Abdul Latif Bin Bandi (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor (EXCO Johor))

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
TARIKH : 24 JULAI 2017
SOALAN : 35

YB Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) apakah status perpindahan Klinik Nanga Medamit dari seberang sungai ke Pekan Nanga Medamit; dan
- b) bilakah kerajaan akan membina hospital Pakar Minor di Limbang.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman, pada masa ini kawasan tanah mendap di Klinik Kesihatan Nanga Medamit sedia ada telah ditutup semasa projek naik taraf klinik pada tahun 2016 dan tiada tanda-tanda berlakunya pemendapan yang baru. Sehingga kini, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak masih menunggu laporan dari Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, berkaitan masalah tanah mendap di Klinik Kesihatan Nanga Medamit tersebut. Klinik ini akan berpindah ke Pekan Nanga

Medamit sekiranya pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak menerima laporan daripada JKR mengenai masalah tanah mendap tersebut dan mendapat arahan untuk berpindah.

Tuan Yang Dipertua,

b) Daerah Limbang sememangnya telah mempunyai Hospital Limbang yang merupakan salah satu daripada lima buah Hospital Berpakar Minor di Sarawak. Hospital yang dibina pada tahun 1979 ini telah dinaiktaraf menjadi sebuah Hospital Berpakar Minor sejak tahun 2010. Walaubagaimanapun, KKM mengambil maklum akan keperluan untuk menaiktaraf beberapa kemudahan sedia ada bagi meningkatkan lagi skop dan kualiti perkhidmatan di hospital ini, yang mana akan di pertimbangkan secara berperingkat selaras dengan sumber yang dapat disediakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24.07.2017

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menjamin dan menanggung pinjaman bon 1MDB sebanyak US\$3.5 bilion yang sebelum ini dijamin oleh syarikat IPIC, walaupun menurut 1MDB, sebanyak US\$3.51 bilion telah dibayar kepada IPIC atau anak syarikatnya sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana yang telah diumumkan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC) mencapai persetujuan bagi penyelesaian membabitkan

prosiding timbang tara di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London. Penyelesaian itu antara lainnya adalah 1MDB akan membuat pembayaran tertentu kepada IPIC dan akan bertanggungjawab terhadap semua pembayaran faedah akan datang dan pembayaran prinsipal bagi 2 bon terbitan syarikat-syarikat Kumpulan 1MDB yang berakhir pada 2022.

Tanggungjawab ini akan dipenuhi oleh 1MDB daripada sumber syarikat, antara lain, menerusi usaha pengewangan unit dana pelaburan yang dimilikinya. Pihak IPIC, Aabar, 1MDB dan Menteri Kewangan (Diperbadankan), telah sama-sama memberi janji (*undertaking*, dengan izin) dan perlindungan (*indemnity*, dengan izin) yang bersesuaian di antara mereka.

Kerajaan Malaysia tidak menjamin dua bon terbitan 1MDB Energy Limited dan 1MDB Energy (Langat) Limited yang berjumlah AS\$3.5 bilion. Pihak IPIC masih lagi kekal sebagai penjamin ke atas kedua-dua bon tersebut.

Penyelesaian timbang tara ini memaparkan resolusi kepada satu cabaran besar yang dihadapi oleh 1MDB.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH
BINTI ABD. RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 37

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat memberi peruntukan membangun sistem sanitasi untuk rumah-rumah kampung di luar bandar yang tidak mempunyai sistem tersebut khususnya di kawasan pedalaman Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) tidak mempunyai peruntukan khusus untuk membangunkan sistem sanitasi rumah-rumah kampung di luar bandar. Selain itu, pembangunan sistem ini adalah di luar skop bantuan di bawah Kementerian.

Justeru, Kementerian mencadangkan supaya projek ini dikemukakan kepada kementerian atau jabatan yang mempunyai skop dan peruntukan bagi projek ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui projek di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) ada menyediakan kemudahan sistem sanitasi pada setiap unit rumah yang dibina.

Kemudahan ini merupakan salah satu spesifikasi utama dalam pembinaan rumah PPRT. Dengan keluasan pembinaan rumah sebanyak 660 kps, sistem sanitasi yang disediakan adalah berkapasiti 5PE jenis konkrit/HDPE/Polyethylene/Fiber glass per rumah (individual sanitasi).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SHAMSUL
ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT
KATIL]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah melaksanakan cadangan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya 2011 dan apakah tindakan Kerajaan terhadap cadangan berkenaan Kerajaan sementara, pengundian awal dan pengundi luar kawasan (termasuk pengundi Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syor-syor yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam Laporan Awal Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya pada 3 Oktober 2011 adalah seperti berikut:

- (i) Penggunaan dakwat kekal;
- (ii) Pengundian awal kepada anggota tentera dan pasangan serta anggota polis dan pasangan Pasukan Gerakan Am (PGA);
- (iii) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara;
- (iv) Pembersihan daftar pemilih yang berterusan;
- (v) Memanjangkan tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan selama 14 hari berbanding 7 hari;
- (vi) Ketelusan proses mengundi di mana pelan susun atur dalam saluran telah diubahsuai dan orang yang dipercayai oleh pemilih

kurang upaya dibenarkan untuk membantu dalam membuat penandaan pada kertas undi;

- (vii) Penambahbaikan proses pencalonan di mana proses bantahan dan proses penarikan balik pencalonan dimansuhkan;
- (viii) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada pekerja media; dan
- (ix) Memanjangkan tempoh minimum berkempen dari 7 hari kepada 11 hari.

Berhubung dengan cadangan pengundian di luar kawasan, perkara ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan ia bertentangan dengan Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan yang mana seseorang pemilih berhak untuk mengundi di bahagian pilihan raya di mana seseorang pemilih itu berdaftar. Selain itu, ia juga adalah selaras dengan Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 yang hanya membenarkan pemilih mengundi di bahagian pilihan raya di mana mereka didaftarkan. Manakala bagi pengundian awal, SPR telah melaksanakan pengundian awal kepada anggota tentera dan pasangan serta anggota polis dan pasangan PGA bermula pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, fungsi dan peranan SPR hanya meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Melaksanakan kajian dan persempadanan semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri setiap tidak kurang daripada 8 tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu;
- (ii) Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan
- (iii) Menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [HULU RAJANG]

TARIKH : 24.7.2017

SOALAN :

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan statistik sekolah rendah di kawasan Hulu Rajang yang telah dinaiktaraf pada tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam *Rolling Plan 2 Tahun 2017-2018 RMKe-11*, sebanyak 90 sekolah daripada jumlah keseluruhan 110 sekolah di bawah Parliman Hulu Rajang terlibat dengan projek baik pulih sekolah daif. Manakala dua (2) sekolah di Hulu Rajang yang disenaraikan sebagai sekolah daif akan dibangunkan secara IBS iaitu SK Abun Matu dan SMK Belaga.

RJM03

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos, butiran perjalanan dan hasil lawatan penaung program PERMATA Datin Seri Rosmah Mansor ke London pada 4 hingga 10 Mei 2017 dengan diiringi oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos yang terlibat dalam lawatan rasmi YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor ke London, United Kingdom dari 4 hingga 10 Mei 2017 adalah seperti mana yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri yang telah dibentangkan pada 26hb April 2017 dengan menggunakan peruntukan sedia ada Jabatan Perdana Menteri.

Antara program lawatan rasmi tersebut adalah seperti berikut:

- i. perbincangan bersama *Oxford Centre for Islamic Studies (OXCIS)* untuk menerokai peluang kerjasama bersama PERMATA Insan;
- ii. mengadakan perjumpaan dan Majlis Makan Tengahari bersama para pelajar PERMATA yang mengikuti pengajian tinggi di sekitar London;
- iii. perasmian Majlis Nobel Minda (*Nobelism Mindset*) - Program anjuran PERMATA Pintar dengan *Royal Society Of London*;
- iv. menyaksikan Majlis Menandatangani *Letter of Intent (LOI)* atau Surat Hasrat untuk memulakan kolaborasi antara PERMATA Pintar dan Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama University of Cambridge; dan

- v. mengadakan lawatan dan perbincangan bersama *Specialist Domestic Violence Court* dan *Rape and Serious Sexual Offences Team (RASSO)*, *The Crown Prosecution Service*.

Antara hasil serta manfaat yang diperolehi daripada lawatan tersebut dapat dilihat melalui perkara-perkara berikut:

- i. Melalui persefahaman yang dicapai dengan OXCIS, PERMATA Pintar dan PERMATA Insan akan bekerjasama mengembangkan bakat pelajar melalui program kepimpinan yang dijalankan oleh pihak OXCIS.
- ii. Melalui kerjasama dengan *University of Cambridge*, *University College London* dan *Imperial College*, ianya akan membuka ruang dalam pelbagai bidang termasuklah penyelidikan, mentoran, pertukaran pelajar dan kakitangan akademik dan latihan dengan universiti-universiti berkenaan.
- iii. Pensyarah dari *University of Cambridge* telah bersetuju untuk menjadi ahli lembaga pendidikan Kolej PERMATA Pintar dan memberikan khidmat nasihat bagi memperbaiki kurikulum serta kaedah pengajaran sedia ada.
- iv. Sebagai sebahagian daripada usaha PERMATA di dalam kempen memerangi jenayah seksual kanak-kanak, lawatan kerja rasmi juga telah diadakan ke *Stratford Domestic Violence Court, London, United*

Kingdom. Mahkamah ini memberi tumpuan terhadap kes-kes keganasan keluarga selain menjalankan prosiding dan perbicaraan kes-kes jenayah seksual kanak-kanak. Lawatan kerja rasmi dan perbincangan juga telah diadakan bersama *Crown Prosecution Service* (CPS). Di bawah CPS, terdapat satu pasukan khas iaitu *The Rape and Serious Sexual Offences (RASSO) Team* yang telah ditubuhkan pada Januari 2014 oleh CSP Thames dan Chiltern bertujuan untuk menangani kes-kes rogol dan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang serius. Lawatan ini antara lain membantu di dalam menubuhkan Mahkamah Jenayah Seksual terhadap Kanak-Kanak yang dilancarkan pada 22 Jun 2017 lalu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bon Kerajaan dan jumlah yang dibeli oleh orang asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2017 adalah sebanyak RM685.1 bilion atau 52.3%% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.7% atau RM662.4 bilion adalah hutang domestik (50.6% daripada KDNK), sementara 3.3% lagi atau RM22.7 bilion (1.7% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Terbitan Kerajaan dalam negeri melalui dua instrumen utama iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia

(MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) menunjukkan terlebih langganan dengan purata 2.4 kali, mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap instrumen terbitan Kerajaan. Bagi pinjaman luar pesisir, sebahagian besarnya adalah melalui terbitan Sukuk Global yang pada masa ini berjumlah RM16.5 bilion dan baki berjumlah RM6.2 bilion adalah pinjaman projek.

2. Hutang Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan sebahagian besarnya, meliputi 74.3% dipegang oleh pelabur institusi utama seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), institusi perbankan tempatan dan pelbagai institusi lain seperti syarikat insurans, institusi kewangan pembangunan, institusi bukan kewangan dan lain-lain pemegang termasuk Bank Negara Malaysia. Selebihnya atau 25.7% lagi dipegang oleh bukan pemastautin yang terdiri daripada pengurus aset, bank pusat, kerajaan, dana persaraan dan institusi kewangan lain dari Timur Tengah, Eropah dan Amerika Syarikat.

3. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam

dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampai sebarang krisis.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 42

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah bekalan air bandar dapat dilaksanakan ke kawasan berikut iaitu dari Batu Kaya ke kawasan Ensawang, Wong Pandak dan Wong Panjai, dari Changkul ke kawasan Rasau, Ng. Kumpang, Danau dan Kandis, dan Kawasan dari Stuga ke hilir Batang Ai, Engkilili, di kawasan hilir Sg. Skrang, dari Lipat ke Tabut dan sekitarnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek yang dimaksudkan tersebut adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar Lubok Antu Fasa 2 yang merupakan bekalan air bersih dan terawat. Reka bentuk awalan projek ini telah pun siap. Walau bagaimanapun, rekabentuk projek ini perlu melalui proses Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management Lab*). Makmal tersebut akan diadakan pada 14 hingga 18 Ogos 2017. Projek ini dijangka dapat ditender pada bulan Januari 2018 tertakluk kepada kelulusan proses pengambilan balik tanah dan dijangka siap bulan Mac tahun 2020.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 24.7.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) bilakah semua jenis aliran sekolah akan menerima peruntukan penyelenggaraan yang dijanjikan oleh Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2017; dan
- (b) apakah tindakan yang akan dan telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan kelewatan pemberian peruntukan penyelenggaraan yang berlaku pada tahun 2016 tidak akan berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menyelesaikan fasa pengagihan peruntukan penyelenggaraan tahun 2017 kepada semua jenis aliran sekolah setelah menerima waran peruntukan yang diluluskan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.
- b) KPM telah menghantar permohonan keperluan peruntukan kewangan semua jenis sekolah bagi tahun 2018 kepada agensi pusat berdasarkan prosedur ditetapkan. KPM yakin kerajaan tidak akan mengabaikan penyediaan peruntukan penyelenggaraan

kepada semua jenis sekolah untuk meningkatkan akses dan kualitas pendidikan negara ini.

RJM04

SOALAN NO. 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tugas, skop kerja, tanggungjawab dan bidang kuasa serta peranannya di persada antarabangsa untuk Y.B. Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan YB Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas adalah seperti mana yang telah dipertanggungjawabkan kepada beliau oleh YAB Perdana Menteri dari masa ke semasa selain sebagai Menteri di Kementerian Pertahanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]
TARIKH : 24 Julai 2017
SOALAN : 45

YB Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menambah khidmat perubatan pakar di negeri Sarawak di hospital-hospital daerah.

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan doktor pakar supaya pada masa akan datang lebih banyak doktor pakar dapat ditempatkan di hospital-hospital berpakar KKM termasuk hospital yang dikenalpasti di daerah di negeri Sarawak.

Selaras dengan usaha berkenaan, Kerajaan telah berjaya meningkatkan bilangan Pakar Perubatan di Sarawak kepada 350 orang pada tahun 2017 berbanding dengan 241 orang pada tahun 2014 iaitu peningkatan melebihi 45.3 peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha yang telah diambil Kementerian dalam meningkatkan bilangan Pakar Perubatan di seluruh negara termasuk Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan pengambilan Pegawai Perubatan menjalani program sarjana kepakaran dengan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot sehingga tahun 2014 kepada 1,000 slot mulai tahun 2015.
- (ii) Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan kepakaran melalui program laluan paralel.
- (iii) Melantik semula Pakar Perubatan yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- (iv) Melantik semula secara kontrak Pakar Perubatan warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- (v) Mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara sesional.

- (vi) Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan serta menggalakkan Pakar Perubatan berkhidmat di hospital Kerajaan di Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.
- (ii) Memberi peluang kepada Pakar Perubatan melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran iaitu seramai 150 setahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) kesemua kompaun Bank Negara yang telah dikenakan berkaitan dengan kes 1MDB; dan

(b) sama ada terdapat individu, perbadanan, atau syarikat, termasuk 1MDB, yang telah membayar kompaun tersebut kepada Bank Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan yang dijalankan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) ke atas Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah berkaitan dengan pematuhan

syarikat tersebut terhadap syarat kebenaran yang diberikan di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 (*Exchange Control Act 1953*, ECA) bagi pelaburan 1MDB di luar negara. Berdasarkan hasil siasatan, tindakan telah diambil terhadap syarikat 1MDB menurut bidang kuasa BNM di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan setakat ini, kompaun yang dikenakan telah dibayar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
TARIKH : 24.7.2017 (ISNIN)

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sejauh manakah keberkesanan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang dijalankan pada setiap kali pada musim perayaan di dalam membantu menangani kos sara hidup dan 'standard of living' negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) telah dilaksanakan bermula tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Skim ini dilaksanakan bagi **6 perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.**

Semasa musim perayaan beberapa jenis barang keperluan utama dikenal pasti sebagai barang harga terkawal untuk ditentukan harga maksimum di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit bagi suatu tempoh tertentu. Pelaksanaan **skim ini telah dapat melindungi pengguna daripada kenaikan harga barangan utama secara mendadak semasa musim perayaan** dan seterusnya dapat mengurangkan kos sara hidup kerana permintaan beberapa barangan utama secara lazimnya akan meningkat pada musim ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 24.7.2017

SOALAN :

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membina asrama untuk pelajar SMK Pinggan-Pinggan, Pitas. Pelajar luar bandar yang tinggal dari tempat jauh terpaksa menumpang atau menyewa rumah orang dan ini menimbulkan pelbagai masalah dan bebanan kepada ibu bapa miskin luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek bagi pembinaan asrama gantian penuh 400 murid (200 Lelaki dan 200 Perempuan) serta dewan makan Sekolah Menengah Kebangsaan Pinggan-Pinggan, Pitas, Sabah telah dimohon dalam Rolling Plan 3, RMKe 11 Tahun 2018-2019. Walau bagaimanapun kelulusan bagi permohonan tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kemampuan kewangan negara.

RJM05

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

RUJUKAN : 9941

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan untuk menyelesaikan keraguan yang ada berkenaan dengan masyarakat warga Sabah yang bukan beragama Islam tetapi telah diklasifikasikan sebagai penganut agama Islam sebab adanya 'Bin' atau 'Binti' dalam nama mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Butiran agama kanak-kanak pada Sijil Kelahiran oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berpandukan kepada maklumat agama ibu dan bapa yang dikemukakan semasa permohonan pendaftaran kelahiran melalui Borang Pendaftaran Kelahiran serta dokumen sokongan yang lain. Rekod tersebut tidak merujuk kepada nama pemohon walaupun terdapat penggunaan perkataan 'bin' atau 'binti' pada nama mereka.

Bagi butiran agama pada Kad Pengenalan pula, JPN merujuk maklumat ini pada rekod Sijil Kelahiran individu. Walau bagaimanapun, sebagai mekanisme untuk mengelakkan kekeliruan butiran agama individu yang menggunakan perkataan "bin" atau "binti" pada Kad Pengenalan, JPN telah mencetak perkataan "Islam" khusus pada Kad Pengenalan semua individu yang beragama Islam bagi memudahkan semakan dan rujukan secara fizikal.

NO. SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN
(SIK)**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan kemalangan bas ekspres yang semakin meningkat, dan adakah punca kemalangan ini disebabkan oleh pemandu yang leka dan tidak cukup tidur kerana membuat trip yang banyak untuk meningkatkan pendapatan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan bas-bas awam yang terlibat dalam kemalangan telah mencatatkan penurunan sebanyak 13% pada tahun 2015 dengan 8,804 kes dilaporkan berbanding 10,123 pada tahun 2013.

2. Statistik kemalangan yang mengakibatkan kecederaan dan maut yang melibatkan bas-bas awam juga menunjukkan tren penurunan sebanyak 29% dengan 30 kes kemalangan maut dicatat pada tahun 2016 berbanding 42 kes pada tahun 2015.

3. Analisa kemalangan bagi tempoh 2007 hingga 2015 yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan, menunjukkan bahawa 66% daripada kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiannya pemandu. Kecuaian ini termasuklah memandu secara berbahaya, memandu melebihi had laju dan keletihan.

4. Bagi memperkasakan pelaksanaan prosedur dan amalan terbaik dalam meningkatkan tahap keselamatan operasi bas ekspres, Program SPAD ICOP – Keselamatan telah dimulakan pada tahun 2013 bagi pengendali bas untuk:

- (i) menerapkan nilai pentingkan keselamatan di setiap peringkat organisasi; dan
- (ii) menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya setiap pengendali pengangkutan awam darat.

5. Buku Panduan SPAD ICOP - Keselamatan Bas telah dikeluarkan untuk memberi garis panduan keselamatan yang praktikal bagi pengendali bas untuk memenuhi tanggungjawab mereka bagi memastikan keselamatan operasi dan meminimumkan insiden dan kemalangan. Ia meliputi tanggungjawab yang harus dimainkan oleh semua pihak dari pengurusan peringkat tertinggi hinggalah kepada kumpulan operasi, meliputi antaranya pengurusan dan pemantauan keselamatan pekerja dan operasi, pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan risiko perjalanan dan pengurusan rekod.

6. Pematuhan SPAD ICOP – Keselamatan ini telah dijadikan syarat lesen yang wajib dipatuhi oleh semua pengendali. Tindakan penggantungan serta penarikan lesen boleh diambil ke atas mana-mana pengendali yang gagal mematuhi. Dengan pelaksanaan SPAD ICOP - Keselamatan, budaya keselamatan akan menjadi amalan kebiasaan bagi semua pengendali pengangkutan awam darat. Ini akan membantu mengurangkan kecederaan dan kematian yang melibatkan pengguna dan pekerja-pekerja di dalam sektor pengangkutan awam darat.

7. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh SPAD bagi mengurangkan lagi kes kemalangan membabitkan bas adalah

melakukan pemeriksaan tahap pematuhan secara berkala, rambang dan juga selepas kemalangan yang melibatkan pengendali bagi memastikan pematuhan SPAD ICOP – Keselamatan ini. SPAD juga sentiasa bekerjasama erat dan meningkatkan kekerapan program penguatkuasaan bersepadu bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

8. Selain itu, pemanduan, perjalanan dan perjalanan bas sentiasa dipantau melalui GPS oleh pihak berkuasa dan juga pengendali melalui pusat kawalan operasi oleh penyelia syarikat. Pada masa yang sama, pegawai penguat kuasa SPAD dan JPJ akan melakukan tapisan rekod buku log pemandu bagi memastikan pemandu yang sudah memandu selama lapan jam dilarang untuk memandu melebihi had maksimum waktu memandu yang dibenarkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 51

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]

TARIKH : 24 Julai 2017

SOALAN : PR-1352-L02434

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
peranan agensi **FAMA** dalam
memasarkan buah mempelam harum
manis semasa lambakan buah pada
bulan Ramadhan yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah berperanan dalam membantu memasarkan mempelam harumanis pada bulan Ramadhan yang lepas dengan melaksanakan beberapa inisiatif bagi mengalakkan jualan harumanis antaranya adalah melalui jingle promo harumanis yang diwar-warkan menerusi radio dan penggunaan media sosial, jualan secara *on-line* melalui portal *Agrobazaar Online*, menyediakan 25 lokasi jualan harumanis kepada pengusaha-pengusaha harumanis di kawasan Lembah Klang, Pulau Pinang dan Melaka, jualan runcit dan menetapkan harga belian minimum yang bertujuan untuk menstabilkan harga di peringkat ladang dan sebagai rujukan kepada pembeli lain. Bagi perancangan akan datang, kalender tanaman bagi pengeluaran harumanis akan disediakan untuk disesuaikan antara pengeluaran dan promosi serta jualan bagi menangani isu lambakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) jumlah wang yang dilaburkan oleh FELDA dalam Felda Global Ventures (FGV) dan Felda Investment Corporation (FIC); dan
- (b) nilai semasa pelaburan ini dan jumlah keuntungan atau kerugian dan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan FGV syarikat persendirian dan apakah kos yang terlibat untuk berbuat demikian.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2017, FELDA mempunyai pegangan langsung sebanyak 21.25 peratus dalam Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) dan pegangan tidak langsung (*melalui Felda Asset Holdings Company Sdn Bhd - FAHC*) sebanyak 12.42 peratus yang menjadikan jumlah keseluruhan pegangan FELDA di dalam FGV adalah sebanyak 33.67 peratus.

Pegangan saham FELDA di dalam FGV direkodkan sebagai Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu di mana FGV direkodkan pada kos dengan nilai RM3,389.39 juta dalam Penyata Kewangan FELDA bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, sebanyak RM328.33 juta telah dibayar oleh FGV kepada FELDA sebagai dividen ke atas pegangan saham FGV. Manakala Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) merupakan syarikat subsidiari milik penuh FELDA. Sehingga 30 Jun 2017, FELDA telah memberikan suntikan modal sebanyak RM500 juta kepada FIC.

Sehingga 30 Jun 2017, berdasarkan kepada pegangan secara langsung sebanyak 21.25 peratus oleh FELDA dalam FGV, FELDA telah mengalami kerugian tidak nyata yang dianggarkan sebanyak RM2,064.09 juta. Walau bagaimanapun, jumlah kerugian tidak nyata ini tidak direkodkan dalam Penyata Kewangan FELDA kerana FGV dikategorikan sebagai sebuah Syarikat Bersekutu. Ini adalah mematuhi Piawaian

Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) 128 : Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama.

Pada masa ini, tiada lagi keputusan untuk menjadikan FGV syarikat persendirian, memandangkan syarikat ini merupakan syarikat senaraian awam yang tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN

TARIKH : 24 JULAI 2017

RUJUKAN : 9942

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan:

- (a) Bilangan pekerja yang sah dan tidak sah di Malaysia' dan
- (b) Jumlah levi yang dikutip oleh Kerajaan untuk memproses permit pekerja asing setiap tahun selama 10 tahun yang lalu dan jumlah kerugian levi disebabkan pekerja asing yang tidak memohon permit.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 30 Jun 2017, jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) adalah seramai 1,781,598 orang merangkumi pekerja asing yang digaji secara sah. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mempunyai statistik bilangan pekerja asing tanpa izin yang berada di Malaysia.
- (b) Kerajaan mengenakan bayaran levi pengambilan pekerja asing mengikut sektor. Jumlah levi yang dikutip oleh Kerajaan dari tahun 2012 hingga 30 Jun 2017 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN LEVI (RM)
2012	2,618,101,763.53
2013	2,423,003,405.28
2014	2,637,594,587.09
2015	2,254,148,205.66
2016	2,521,420,322.33
30 Jun 2017	1,486,466,894.45

Memandangkan Kerajaan tidak mempunyai statistik bagi bilangan PATI yang berada di Malaysia, Kerajaan tidak boleh memberikan sebarang anggaran mengenai kerugian hasil akibat pekerja asing tanpa izin yang tidak membuat bayaran levi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI
NASARAH
KAWASAN : LENGGONG
TARIKH : 24 JULAI 2017
NO. SOALAN : 55

SOALAN

Dato' Dr. Shamsul Anuar Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan eksport industri halal negara ketika ini serta cabaran dihadapi dan apakah cabang baru yang berpotensi besar dalam penggalakan industri halal di dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Eksport industri halal negara ketika ini menunjukkan perkembangan yang positif khususnya dalam bidang makanan dan minuman. Bagi tahun 2016, nilai keseluruhan eksport industri halal berjumlah RM42.2 bilion yang mana RM18.6 bilion ataupun 44% merupakan produk makanan dan minuman. Ini merupakan peningkatan sebanyak 6.9% berbanding nilai eksport industri halal pada tahun 2015 yang bernilai RM 39.4 bilion. Selain makanan dan minuman, eksport produk halal yang lain adalah ramuan halal atau '*halal ingredients*' (dengan izin) (RM12.8 bilion), produk berasaskan kelapa sawit (RM6.3 bilion), kosmetik dan produk penjagaan badan (RM2.2 bilion), bahan kimia industri (RM1.7 bilion) dan farmaseutikal (RM0.7 bilion).

Permintaan terhadap produk halal dijangka meningkat selaras dengan populasi Muslim yang dijangka meningkat kepada 2.6 bilion menjelang tahun 2050, iaitu mewakili 30 peratus populasi dunia.

Berdasarkan kadar permintaan semasa dalam pasaran tempatan dan eksport, ramuan halal atau 'halal ingredients' (dengan izin) merupakan antara cabang baharu yang berpotensi dibangunkan dalam industri halal negara. Pada tahun 2016, jumlah eksport ramuan halal adalah sebanyak RM12.8 bilion dan merupakan penyumbang kedua tertinggi eksport produk halal selepas makanan dan minuman.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara cabaran utama yang dihadapi dalam pembangunan industri halal adalah keperluan meningkatkan daya saing dan kreativiti bagi memastikan penjagaan kualiti produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Sehubungan itu, kementerian melalui Halal Industry Development Corporation (HDC), selaku agensi penyelarasan pembangunan industri halal negara, akan terus mempergiatkan pelaksanaan program dan aktiviti bagi meningkatkan kapasiti syarikat-syarikat halal tempatan. Antaranya adalah Program Transformasi Perniagaan Halal yang telah berjaya melibatkan penyertaan sebanyak 531 buah syarikat pada tahun 2016.

Bagi mempersiapkan syarikat-syarikat pengeksport terutama pengusaha kecil dan sederhana (PKS) menembusi pasaran antarabangsa, Kerajaan melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah menganjurkan beberapa program bina upaya (*capacity building*) yang bertujuan membantu meningkatkan pengetahuan dan menjadikan mereka lebih berdaya saing. Antara program-program yang diadakan adalah bengkel dan seminar berkenaan industri halal seperti standard halal, maklumat terkini pasaran halal antarabangsa dan sebagainya.

Sekian, terima kasih

Maklumat Tambahan

Statistik Eksport Produk Halal 2015 dan 2016 (RM Bilion)

Butiran	2015	2016
Jumlah Eksport Halal	39.4	42.2
Makanan dan minuman	19.5	18.6
<i>Halal Ingredients</i>	11.0	12.8
Produk berasaskan kelapa sawit	5.0	6.3
Kosmetik dan produk penjagaan badan	2.2	2.2
Bahan kimia industri	1.5	1.7
Farmaseutikal	0.2	0.7

Perkembangan positif nilai eksport ini menggambarkan permintaan yang semakin berkembang daripada negara-negara Islam, khususnya dan pasaran eksport yang lain.

Dalam memenuhi permintaan pasaran luar ini, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat pengeksport produk halal Malaysia.

Antara cabaran-cabaran yang dihadapi ialah keupayaan syarikat untuk memenuhi permintaan eksport yang diperlukan. Kes seperti ini acap kali dihadapi oleh syarikat PKS di mana permintaan terhadap produk mereka melebihi keupayaan pengeluaran syarikat.

Selain itu, syarikat-syarikat pengeksport juga perlu mematuhi standard dan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh sesetengah negara.

Walaupun persijilan halal merupakan satu akreditasi halal yang diterima, namun ianya perlu dilengkapi bersama standard dan piawaian lain seperti HACCP, USFDA dan lain-lain lagi.

Antara langkah-langkah pengantarabangsaan yang diambil oleh MATRADE bagi menggalakkan penyertaan syarikat PKS di dalam industri Halal adalah seperti berikut:

i) Penganjuran Pameran Perdagangan Halal Antarabangsa Ke-14 (MIHAS 2017) pada 5-8 April 2017 di Kuala Lumpur & Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur bagi mempromosikan Malaysia sebagai pusat sumber untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan Halal di peringkat antarabangsa. Kerajaan menerusi MATRADE akan terus menyokong industri Halal dengan penganjuran MIHAS.

ii) Mengadakan Program Penyumberan Antarabangsa sempena MIHAS untuk mempertemukan syarikat-syarikat IKS pengeluar produk dan perkhidmatan halal Malaysia dengan pembeli dari luar negara. Melalui program ini, syarikat IKS tidak perlu ke luar negara dan ini dapat menjimatkan kos untuk mempromosikan produk halal mereka.

iii) Mempromosikan produk halal Malaysia di pasaran antarabangsa. Produk halal bukan sahaja bertumpu kepada produk makanan dan minuman malah produk bukan makanan seperti farmaseutikal, bahan kimia, kosmetik dan penjagaan badan. Malaysia juga sedang berusaha mempromosikan sektor-sektor perkhidmatan halal seperti logistik dan perbankan Islam dengan menyertai pameran-pameran perdagangan di luar negara.

iv) Program-program bagi mempromosikan produk halal yang dijalankan di luar negara adalah termasuk penyertaan di dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa seperti berikut:

- The GULFOOD 2017 di Dubai, UAE pada 26 Februari-2 Mac 2017;
- The 121th Canton Fair (Spring Session) (Phase 3) 2017 di Guangzhou, China pada 1-5 Mei 2017;
- The 23rd China Lanzhou Investment & Trade Fair di Chengdu, China pada 6-9 Julai 2017;
- The 14th CHINA-ASEAN Expo (CAEXPO) 2017 di Nanning, China pada 22-25 September 2017;
- Anuga 2017 di Cologne, Jerman pada 7-11 Oktober 2017.

v) MATRADE juga menganjurkan Misi Akselerasi Eksport bagi promosi ke pasaran-pasaran khusus untuk produk dan perkhidmatan halal seperti *Export Acceleration Mission To Japan In Conjunction with FOODEX Japan 2017* di Chiba, Japan pada 7-10 Mac 2017.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' WIRA OTHMAN BIN
ABDUL [PENDANG]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pendang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang berdaftar dengan E-Kasih mengikut negeri sejak tahun 2013 hingga 2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan selaras dengan konsep inklusiviti, Kerajaan amat prihatin terhadap golongan miskin dan sentiasa berusaha untuk membasmi kemiskinan. Terdapat pelbagai program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khususnya bagi memastikan kadar kemiskinan terus dikurangkan.

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga 17 Julai 2017, seramai 588,914 Ketua Isi Rumah (KIR) yang telah berdaftar dengan eKasih bagi seluruh negeri di Malaysia dan daripada jumlah tersebut seramai 70,450 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 138,577 KIR pula di bawah kategori Miskin. Manakala seramai 379,887 KIR adalah di bawah kategori Terkeluar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, bagi tahun 2013 seramai 465,095 KIR yang telah berdaftar dengan eKasih bagi seluruh Malaysia dengan 67,461 KIR di bawah kategori Miskin Tegar, seramai 128,914 KIR di bawah kategori Miskin dan seramai 268,720 KIR di bawah kategori Terkeluar. Manakala bagi tahun 2014, seramai 502,417 KIR telah berdaftar dengan eKasih bagi seluruh Malaysia dengan 57,830 KIR di bawah kategori Miskin Tegar, seramai 126,153 KIR di bawah kategori Miskin dan seramai 318,434 KIR di bawah kategori Terkeluar. Bagi tahun 2015, seramai 541,536 KIR telah berdaftar dengan eKasih bagi seluruh Malaysia dengan 79,607 KIR di

bawah kategori Miskin Tegar, seramai 142,958 KIR di bawah kategori Miskin dan seramai 318,971 KIR di bawah kategori Terkeluar. Berdasarkan rekod eKasih, seramai 574,835 KIR telah berdaftar dengan eKasih pada tahun 2016 bagi seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut seramai 75,480 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar, 142,135 KIR di bawah kategori Miskin dan seramai 357,220 KIR di bawah kategori Terkeluar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) memberikan perkembangan terkini, mengenai menghapuskan hukuman mati dan moratorium bagi hukuman mati; dan
- (b) berapakah jumlah banduan yang masih menunggu pelaksanaan hukuman mati di penjara dan moratorium bagi hukuman mati.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menjalankan satu kajian bagi meneliti isu undang-undang dan dasar hukuman mati dalam negara kita. Kajian tersebut telah dijalankan melalui International Centre for Law and Legal Studies (I-CeLLS) oleh Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama pakar-pakar antarabangsa dalam bidang ini. Laporan kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Jemaah Menteri seterusnya memutuskan supaya Akta Dadah Berbahaya 1952 dikaji semula khususnya bagi memberi ruang budi bicara kepada Hakim dalam menjatuhkan hukuman dengan menetapkan hukuman yang bersesuaian khususnya ke atas kes-kes di mana pesalah sebenarnya lebih wajar hanya dihukum penjara, tetapi mungkin peruntukan yang sedia ada Hakim tiada pilihan selain menjatuhkan hukuman mati. Hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Mac 2017 di mana Jemaah Menteri telah bersetuju dan memutuskan bahawa pindaan dibuat kepada seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan memasukkan peruntukan tambahan bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B akta berkenaan. Justeru itu, Kementerian

serta agensi yang berkaitan seterusnya akan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri yang baru bersama-sama dengan cadangan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, satu Jawatankuasa Khas berkaitan hukuman mati juga telah ditubuhkan pada 5 September 2016 yang dianggotai oleh wakil-wakil dari SUHAKAM, Amnesty International, Majlis Peguam Malaysia, ahli akademik, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri dan juga Majlis Keselamatan Negara. Pelbagai isu berkaitan hukuman mati juga telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Khas sebagai proses konsultasi dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 1,174 orang banduan yang telah dijatuhi hukuman mati yang masih dalam proses rayuan di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan dan Lembaga Pengampunan Negeri.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 24 JULAI 2017

RUJUKAN : 9943

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keberkesanan Jihad Memerangi Dadah dan masyarakat semakin bimbang berikutan peningkatan tangkapan penagih dadah seramai 30,844 orang pada 2016 berbanding 26,000 pada 2015 dan berapa pula pada tujuh bulan pertama mengikut negeri pada 2017.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius permasalahan dadah menerusi usaha-usaha pembanterasan secara berterusan. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Mac 2017 telah meluluskan Dasar Dadah Negara sebagai sumber rujukan dan panduan utama dalam usaha memerangi dadah bagi semua peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Dasar ini mempunyai 5 teras utama iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Kerjasama Antarabangsa dan Teras Pengurangan Kemudaratan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah merangka Pelan Strategik Pelaksanaan Dasar Dadah Negara secara menyeluruh dan komprehensif bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar ini oleh Badan Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan di peringkat negeri dan daerah.

Dalam memastikan Dasar Dadah Negara menepati teras yang digariskan, KDN akan memastikan AADK menyediakan penilaian berterusan melalui penilaian awal, penilaian keperluan dan penilaian impak merangkumi kepuasan pelanggan. Syor-syor penilaian hendaklah dikemukakan kepada Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Membanteras Gejala Dadah Negara seperti

yang diwujudkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2004.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Forum Jihad Memerangi Dadah yang dianjurkan oleh Majlis Perundangan (MPM), Utusan Melayu, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) yang telah diadakan pada 14 Jun 2017 merupakan platform kepada masyarakat untuk membantu Kerajaan memerangi masalah penyalahgunaan dadah. Peserta forum bersetuju bahawa penglibatan semua lapisan masyarakat merupakan kunci utama yang boleh memerangi penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Jumlah tangkapan dari Januari hingga Jun 2017 adalah seramai 10,004 orang.

NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

RUJUKAN : 9944

SOALAN:

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai kepentingan kewujudan pangkalan data DNA bagi mengatasi masalah kesulitan siasatan kes jenayah dan identifikasi mangsa bencana serta kebaikan yang diperolehi menerusi cadangan mewujudkannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan DNA dalam siasatan adalah bertujuan untuk mengenalpasti identiti individu (suspek) berdasarkan sampel biologi yang ditinggalkan pada sesuatu tempat kejadian. Sumber DNA di tempat kejadian jenayah boleh diperolehi daripada pelbagai sumber seperti air liur, darah, peluh, *semen* dan lain-lain. Databank DNA (*Forensic DNA Databank Malaysia – FDDM*) merupakan alat baharu dalam siasatan sains forensik yang dapat mengenalpasti serta menghubungkan kait seseorang yang disyaki dengan sesuatu perlakuan kejadian jenayah berdasarkan sampel DNA yang ditinggalkan (*contact trace evidence*) semasa perlakuan jenayah dilakukan. Terdapat juga kes jenayah yang tidak mempunyai sebarang petunjuk selain daripada bahan bukti biologi. Justeru dengan adanya pangkalan data DNA, maklumat DNA boleh disimpan sementara menunggu padanan profil daripada sampel DNA melalui indeks seperti mana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 3(3) Akta Identifikasi DNA 2009. Sehubungan itu, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) khususnya dan PDRM amnya dapat mengaplikasikannya sebagai alat baharu dalam pencegahan jenayah dan meningkatkan kadar penyelesaian kes jenayah serta kadar pertuduhan kes di mahkamah.

Selain itu, DNA turut digunakan dalam proses mengidentifikasikan mangsa bencana khususnya apabila mangsa tersebut tidak dapat lagi dikenal pasti melalui pengecaman fizikal (pengecaman wajah dan cap jari). Ini sejajar dengan objektif Databank DNA Malaysia seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 4(1) Akta Identifikasi DNA 2009, iaitu untuk menyimpan dan menyelenggara indeks-indeks sepertimana peruntukan Seksyen 3(3) Akta yang sama bagi maksud mengenalpasti identiti individu berhubung dengan penyiasatan sains forensik. Selain itu, Seksyen 4(2) pula menyatakan sebagai tambahan kepada Subseksyen 4(1), profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang disimpan dan diselenggarakan di dalam Databank DNA boleh juga digunakan untuk mengenalpasti jasad manusia (mayat) dalam kejadian bencana (*Disaster Victim Identification - DVI*) atau bagi maksud kemanusiaan dalam kes pengenalpastian orang yang masih hidup atau yang telah mati (mayat) – kes orang hilang (*Human Identification for Missing Person*). Justeru mana-mana mayat yang tidak dapat dikenal pasti secara fizikal dapat diserahkan kepada keluarganya berdasarkan profil DNA yang telah dilakukan padanan (*matching*).

Kebaikan pewujudan Databank DNA ini adalah seperti berikut:

- i) meningkatkan kadar penyelesaian kes melalui padanan antara profil DNA daripada tempat kejadian jenayah dengan penjenayah;**
- ii) menjimatkan masa siasatan dengan mengenalpasti penjenayah melalui carian profil DNA;**
- iii) berupaya menjadi salah satu faktor pencegahan jenayah apabila penjenayah-penjenayah yang pernah ditangkap sebelum ini menyedari risiko bahawa mereka boleh ditangkap semula sekiranya melakukan jenayah melalui pengesanan profil-profil DNA mereka yang telah wujud dalam Databank DNA; dan**
- iv) memudahkan dan mempercepatkan pengurusan pengenalpastian identiti mangsa bencana.**

Bahagian Databank DNA telah ditubuhkan dan beroperasi sejak tahun 2013. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 62,000 profil DNA yang terdiri daripada 7 indeks (Orang Tahanan, Orang Yang Disyaki, Penagih Dadah, Pesalah Disabitkan, Orang Hilang, Sukarela dan Tempat Kejadian) telah disimpan di dalam Databank DNA. Bahagian Databank DNA telah berjaya mengenalpasti suspek bagi 13 kes jenayah melibatkan kes rogol, samun dan bunuh.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH : 24.7.2017

SOALAN :

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat ini usaha pihak kementerian untuk memenuhi keperluan pendidikan anak-anak autisme yang semakin meningkat di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pendidikan khas bagi semua Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari peringkat prasekolah hingga peringkat lepas menengah. Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2015 juga telah menetapkan bahawa (MBK) termasuk anak-anak autisme ini mempunyai peluang mendapat pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan mereka sepertimana murid di arus perdana .

KPM memberi fokus menggalakkan lebih ramai MBK ke dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI) dengan menggariskan lima dimensi dalam menjayakan PPI iaitu;

- i. mengenal pasti, menjalankan intervensi MBK lebih awal dan menyediakan sokongan penjagaan kesihatan;
- ii. menyediakan kurikulum yang luwes, relevan dan berkualiti tinggi;
- iii. menyediakan guru terlatih dan tenaga pakar;
- iv. menyediakan infrastruktur sokongan dan kewangan yang kukuh; dan
- v. membina kesedaran dan penglibatan awam.

Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 turut memperuntukkan bahawa guru pendidikan khas dikehendaki menyediakan dan melaksanakan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) berdasarkan keupayaan dan keperluan setiap MBK.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
TARIKH : 24.07.2017
SOALAN : NO. 61

Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kadar pengangguran terkini negara dan perbandingan dengan negara ASEAN lain dan sejauh mana pelan penstrukturan sukatan pelajaran di Institusi Pengajian Awam dan Swasta diperhalusi bagi memastikan jumlah graduan yang tidak berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh setahun selepas graduasi dikurangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan kadar pengangguran pada akhir tahun 2016 ialah 3.4 peratus, yang mana Malaysia kekal tergolong dalam negara guna tenaga penuh kerana kadar penganggurannya di bawah had 4.0 peratus, seperti yang ditetapkan oleh Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

Mengikut statistik terkini dikeluarkan berdasarkan data pada tahun 2015 oleh ASEAN Secretariat, UNCTAD dan UNICT, Malaysia terletak di

kedudukan kelima, antara yang terendah di kalangan 9 negara ASEAN lain pada kadar 3.2%. Brunei merekodkan kadar pengangguran paling tinggi pada 6.9% dan Cambodia paling rendah pada kadar 0.5%.

Manakala menurut Sistem Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), jumlah graduan yang belum bekerja semasa musim konvokesyen untuk tahun 2016 adalah seramai 54,103 orang yang menunjukkan penurunan sebanyak 1.4% (749 orang) berbanding tahun 2015 (54,852 orang).

KPT sentiasa melaksanakan saringan awal yang ketat bagi semua program di universiti awam (UA) yang mana hanya program baharu yang berdaya saing, relevan dan memenuhi keperluan pasaran sahaja dipertimbangkan. Selain itu, KPT juga meminta supaya UA mendapat maklumat mengenai statistik keperluan guna tenaga negara yang terkini dalam merancang program akademik yang hendak dilaksanakan di universiti.

NO. SOALAN: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]
TARIKH : 24.7.2017 (ISNIN)

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan statistik terkini jumlah kes penyelewengan barang kawalan bersubsidi seperti minyak masak, gula dan tong gas petroleum cecair (LPG) ke luar negara dan negara-negara yang menerima barangan seludup serta keberkesanan usaha mengekang aktiviti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh bermula 1 Januari hingga 7 Julai 2017, jumlah kes yang melibatkan penyelewengan barang kawalan bersubsidi termasuk cubaan menyeludup ke luar negara adalah seperti berikut:

Gula	Minyak Masak	LPG
14 kes	24 kes	64 kes

Untuk makluman juga, barang kawalan bersubsidi beras adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Asas Tani (MOA).

Kerajaan sentiasa berusaha membanteras penyelewengan dan memastikan tidak berlaku ketirisan barang kawalan bersubsidi keluar ke negara jiran dan beberapa langkah telah diambil antaranya adalah:

- i) Melancarkan operasi besar-besaran di seluruh negara di bawah Ops Gasak II dan bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2017 yang melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
- ii) berkerjasama dengan *National Revenue Recovery Enforcement* (NRRET) yang diterajui oleh Jabatan Peguam Negara;

- iii) berkerjasama dengan ESSCOM melaksanakan kawalan penyelewengan dan cubaan menyeludup terutamanya di kawasan perairan ESSZONE; dan
- iv) mengantung atau membatalkan mana-mana pemegang lesen yang terlibat dengan aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi.

NO. SOALAN: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

RUJUKAN : 9945

SOALAN:

Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mekanisme yang digunakan Kerajaan dalam memantau pengawal keselamatan yang terdiri daripada pendatang asing yang tidak mempunyai dokumen yang sah serta tindakan kerajaan bagi memastikan pengawal keselamatan yang dilantik memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh pihak keselamatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa mengadakan operasi penguatkuasaan bersepadu dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara bagi memantau syarikat-syarikat kawalan keselamatan. Operasi penguatkuasaan ini bertujuan untuk membanteras pelantikan pengawal keselamatan warganegara asing secara haram serta mengesan mereka yang tidak melakukan tapisan keselamatan terhadap pengawal keselamatan yang dilantik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sejak tahun 2014 sehingga kini sedang giat melaksanakan Program Latihan *Certified Security Guards* (CSG) bagi memastikan semua pengawal keselamatan tempatan menjalani Latihan yang dilaksanakan selama 6 hari di 13 buah Pusat Latihan Polis di seluruh negara. Program Latihan ini juga bersifat serampang dua mata dan bertujuan untuk memastikan pengawal keselamatan yang dilantik oleh pihak syarikat memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Pada masa yang sama, Kementerian juga sentiasa mengadakan perjumpaan bersama syarikat kawalan keselamatan bagi memastikan pengawal keselamatan yang dilantik oleh syarikat

memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh Akta Agensi Persendirian 1971 dan pekeliling-pekeliling, peraturan dan syarat yang telah ditetapkan.

Selain itu, Kementerian juga sedang meneliti dan membuat kajian semula terhadap mana-mana perkara di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 dan pekeliling-pekeliling serta peraturan dan syarat sedia ada bagi tujuan mempertingkatkan pemantauan terhadap syarikat-syarikat kawalan keselamatan di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

RUJUKAN : 9946

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai cadangan untuk mempertimbangkan pengeluaran kad pengenalan berasingan bagi warganegara Malaysia di Sabah agar mudah untuk membezakan mereka daripada pendatang tanpa izin.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan cadangan pengeluaran Kad Pengenalan Khas kepada warganegara Malaysia di negeri Sabah, Kerajaan mengambil maklum bahawa cadangan tersebut perlu ditangani secara berhemah kerana menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah serta keluhuran perundangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 66

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) tidak mengambil tindakan keras terhadap Malaysia Airlines yang telah gagal mencatatkan pencapaian Enrich Points mengikut jadual Program Kesetiaan Penumpang yang termaktub bagi semua penerbangan "code-sharing" Malaysia Airlines yang ditunaikan menerusi anak syarikatnya, Firefly. Bukankah piawaian antarabangsa menuntut sebarang pencabulan kontrak perkhidmatan antara penumpang dan syarikat penerbangan ini dikenakan penalti.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airlines Berhad (MAB) dan Firefly adalah merupakan dua buah syarikat penerbangan berasingan walaupun kedua-duanya di bawah satu kumpulan syarikat yang sama iaitu Malaysia Aviation Group (MAG). Menurut MAB, secara amnya Enrich Points bagi penerbangan MAB mengambil masa lebih kurang seminggu untuk dikreditkan, manakala Enrich Points bagi penerbangan *codeshare* pula mengambil masa lebih kurang sebulan untuk dikreditkan. MAB menasihatkan penumpang untuk sentiasa menyemak penyata Enrich dan menghubungi mereka sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Enrich Points yang telah dikreditkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission* - MAVCOM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Program Kesetiaan Penumpang di antara penumpang dan syarikat penerbangan adalah merupakan suatu bentuk kontrak perkhidmatan komersil yang ditentukan melalui terma dan syarat yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu penumpang dan syarikat penerbangan. Dalam hubungan ini, MAVCOM tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pencabulan kontrak perkhidmatan komersil tersebut memandangkan ia melibatkan persetujuan bersama antara penumpang dan syarikat penerbangan.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang pencabulan kontrak, maka penumpang boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat penerbangan yang berkaitan berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui sebelum ini oleh kedua-dua pihak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
KAWASAN : JASIN
TARIKH : 24 JULAI 2017
NO. SOALAN : 68

SOALAN

Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan hakikat sebenar impak pelaburan republik rakyat China/Beijing ke atas negara-negara seperti Zimbabwe, Tanzania, Sri Lanka dan Indonesia yang dilaporkan umpama economic imperialisme oder baru yang kononnya telah memusnahkan negara-negara berkenaan dan bagaimanakah pula Malaysia boleh mengelakkan malapetaka yang sama berlaku ke atas negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif, dengan izin, “*One Belt, One Road*” (OBOR) yang juga dikenali sebagai, dengan izin, *Silk Road Economic Belt and the 21st-Century Maritime Silk Road* adalah usaha China untuk membina rangkaian projek infrastruktur di seluruh Eurasia dengan tujuan menggalakkan perdagangan.

Pada amnya, projek-projek tersebut dibina di negara-negara membangun yang akan mendapat keuntungan kerana menjadi, dengan izin, kawasan “*transshipment*” dengan adanya rangkaian infrastruktur yang dibina. Penyediaan rangkaian infrastruktur juga menggalakkan pembangunan industri-industri baharu di kawasan-kawasan terbabit, seterusnya membantu usaha meningkatkan pengeluaran dan peluang penyertaan dalam rantai bekalan antarabangsa yang lebih meluas.

Sekiranya tiada perdagangan yang signifikan dan menguntungkan daripada pembinaan infrastruktur baharu tersebut, manfaat daripada inisiatif OBOR hanya mengalir ke satu arah iaitu kepada negara China. Ringkasnya, China mendapat faedah daripada pembiayaan dan pembinaan projek-projek infrastruktur, sementara negara-negara membangun menanggung risiko terutamanya risiko kewangan sekiranya aktiviti pembangunan tidak berkembang seperti yang dijangkakan. Antara negara-negara yang terpaksa menanggung implikasi kewangan susulan kegagalan pelaksanaan projek OBOR ini adalah negara Zimbabwe dan Sri Lanka.

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, beberapa negara ASEAN termasuk Malaysia telah mendapat faedah daripada inisiatif OBOR. Indonesia misalnya, melalui sebuah konsortium yang dipimpin oleh negara China telah membida kontrak untuk membina trek keretapi berkelajuan tinggi antara Jakarta dan Bandung. Indonesia telah memanfaatkan kesungguhan konsortium tersebut untuk memenangi konsesi utama dengan melonggarkan syarat pinjaman balik tanpa memerlukan jaminan pinjaman daripada Kerajaan Indonesia.

Dalam konteks Malaysia, impak inisiatif OBOR ini telah membawa kesan yang positif terutamanya bagi menggalakkan usahasama dan penglibatan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan dan sektor swasta tempatan dalam projek-projek pembangunan bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan saiz pasaran tempatan yang kecil, syarikat tempatan amat memerlukan pelauang kepada akses pasaran yang lebih meluas. Jesteru, penglibatan negara dalam inisiatif OBOR memberi peluang bagi membangun dan memperkukuhkan rangkaian bekalan syarikat-syarikat tempatan. Kerajaan turut mengenal pasti syarikat-syarikat yang mempunyai kepakaran untuk melabur dalam projek berkualiti, industri-industri berteknologi tinggi, berasaskan pengetahuan dan berintensif modal, terutama dalam teknologi yang pesat membangun.

Antara inisiatif terbaru melibatkan kerjasama DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM) dan Zhejiang Geely Holding Group (Geely Holding) yang merupakan rakan strategik PROTON Holdings Berhad (PROTON). Geely Holding telah membeli sebanyak 49.9 peratus saham PROTON.

Melalui kerjasama ini, PROTON mendapat akses kepada pelbagai platform serta enjin yang dibangunkan Geely Holding selain peluang menembusi pasaran baharu dengan lebih meluas termasuk pasaran Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan terus berusaha bagi memastikan inisiatif OBOR memberi impak semaksimum mungkin kepada ekonomi negara, teutamanya dengan membuka peluang penyertaan kepada komuniti perniagaan dan rakyat tempatan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini. Kerajaan peka dan prihatin dengan cabaran dan risiko daripada penyertaan syarikat-syarikat asing di negara ini, termasuk dari negara China dan sentiasa berusaha menambahbaik langkah dan strategi berkaitan bagi memastikan kepentingan negara dan rakyat terus terpelihara,

Sekian, terima kasih

1. Disediakan oleh :

Nama : Jamaliah Hamzah
Jawatan : Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian : Dasar Pelaburan dan Fasilitasi
Pedagangan
Tel. H/P : 019-473 1706
Tarikh :

2. Disemak oleh :

Nama : Noor Wahida Noordin
Jawatan : Pengarah Kanan
Bahagian : Dasar Pelaburan dan Fasilitasi
Pedagangan
Tarikh :

3. Diluluskan oleh :

Nama : Dato' Nik Rahmat Nik Taib
Jawatan : Timbalan Ketua Setiasusaha (Industri)
Tarikh :

MAKLUMAT TAMBAHAN

Antara contoh risiko kewangan yang telah ditanggung oleh negara Zimbabwe dan Sri Lanka adalah seperti berikut:

- Zimbabwe telah berhutang dengan China lebih dari USD1 bilion untuk projek pembangunan dan infrastruktur. China telah melupuskan hutangnya kepada Zimbabwe sebanyak USD40 juta pada tahun 2015 dan sebagai timbal balas, Zimbabwe berjanji akan meningkatkan penggunaan yuan China dalam rizab pertukaran matawang asingnya; dan
- Sri Lanka pula telah menerima pinjaman dari negara China untuk membina kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang baharu di Hambantota. Apabila projek pelabuhan tersebut siap sepenuhnya, kemudahan pelabuhan tersebut akan menjadi yang terbesar seumpamanya di Asia Selatan. Walau bagaimanapun, akibat daripada perdagangan “seaborne” yang tidak memberangsangkan, Kerajaan Sri Lanka telah dibebankan dengan hutang negara sebanyak USD1.1 bilion. Sri Lanka juga terpaksa menyiapkan pelabuhan dan lapangan terbang serta membayar balik hutangnya kepada China bagi mengelakkan daripada kesulitan mendapatkan kemudahan kredit pada masa hadapan.

Syarikat-syarikat negara China lain yang telah melaksanakan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia termasuk:

- Ye Chiu Non-Ferrous Metal (M) Sdn. Bhd. (logam asas);
- Longi Solar (Kch) Sdn. Bhd. dan Jinko Solar Technology Sdn. Bhd. (industri solar);
- Ji Kang Dimensi (M) Sdn Bhd (logam asas);
- Xiamen University (perkhidmatan pendidikan);
- Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. (ICT); dan
- CSR Rolling Stock (M) Sdn Bhd. (peralatan pengangkutan).

Kesemua projek-projek ini melibatkan 100% hak milik China.

Antara projek-projek ikonik yang melibatkan pelaburan China termasuk:

a) Forest City Iskandar Johor

Projek Forest City yang terletak di kawasan seluas 1,370 hektar di Tanjung Kupang dekat Gelang Patah, Johor melibatkan pelaburan komited sebanyak RM170 bilion serta mengambil masa sehingga 20 tahun untuk dibangunkan dan akan menyediakan lebih 220,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2035. Pemaju Projek ultra-mega ini merupakan Country Garden Pacificview Sdn. Bhd. Projek bandar pintar ini akan dibangunkan di empat pulau buatan manusia dan telah diluluskan Penilaian Terperinci Kesan Alam Sekitar (DEIA). Struktur ekuiti berkesan dicadangkan untuk Country Garden Pacificview Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

Struktur Ekuiti	Peratus
Country Garden Holdings Limited (China)	60
Esplanade Danga 88 Bay Sdn. Bhd. (Malaysia)	40
Jumlah	100

b) Melaka Gateway

Salah satu projek pelaburan dari negara China ialah *Melaka Gateway*. Dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 7 Februari 2014 dan disenaraikan sebagai salah satu *Entry Point Projects (EPP)* bagi sektor pelancongan. Projek ini melibatkan pembangunan "*mix development*" di mana komponen-komponen projek di Melaka Gateway adalah lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti projek pelancongan. Butir-butir projek yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Master Developer	: KAJ Development Sdn. Bhd.
Struktur Ekuiti	: 100% rakyat Malaysia
Nilai Pembangunan Kasar (GDV)	: RM64 billion
Peluang pekerjaan	: 40,000 – 45,000 pekerjaan
Jumlah pelancong	: 2.5 pelancong setahun

Projek ini akan dibangunkan di atas tanah yang ditambah (seluas 1,359 ekar) dan merangkumi 4 buah pulau. Komponen-komponen pembangunan projek di pulau-pulau tersebut adalah seperti berikut:

- Pulau Melaka East 1 (PME1)

Melaka International Cruise Terminal / jeti kapal percutian, kapal layar dan feri, pusat membeli belah, kondominium & pangsapuri, hotel dan Melaka Eye (*Ferris Wheel*), *Wellness* dan Pusat pendidikan. Terminal/jeti kapal percutian dijangka akan beroperasi

pada suku kedua tahun 2018. Seramai 500 ribu pelancong dijangka menggunakan kemudahan ini pada tahun pertama.

- Pulau Melaka East 2 (PME2)
Pusat dan kompleks perniagaan (Kewangan, “*Shared Services*” dan ciri-ciri yang berkonsep Teknologi Hijau).
- Pulau Panjang (PME3)
Melaka Gateway Deep Sea Port yang merangkumi *Liquid Cargo Terminal*.
- Pulau Melaka (PME4)
Kawasan Industri Maritim Teknologi Tinggi.

Pembangunan dan kerjasama yang telah dijalankan setakat ini adalah seperti berikut:

- MoA antara KAJ Development Sdn. Bhd. bersama Power China International Group Limited untuk menarik pelaburan sebanyak RM30 bilion dari negara China ke Melaka Gateway bagi PME1, PME2 dan PME3 (Pulau Panjang). Daripada jumlah RM30 billion tersebut, sebanyak RM8 bilion adalah kos pelaburan yang dijangkakan bagi pembangunan Multi-purpose International Deep Sea Port di Pulau Panjang – PME3.
- MoU antara Kerajaan Negeri Melaka bersama Province Government of Guangdong, China untuk pembangunan projek-projek di PME4 yang merangkumi Kawasan Industri Maritim Teknologi Tinggi, Terminal Kontena dan *Ship Building & Repair*.

c) East Coast Railway Link – ECRL

Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) merupakan jaringan perkhidmatan tren baharu akan merentasi Banjaran Titiwangsa yang melibatkan laluan sepanjang kira-kira 600 kilometer melalui beberapa buah bandar seperti Gombak, Mentakab, Jengka, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan berakhir di Tumpat.

Seperti mana yang dimaklumkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), projek ini masih di peringkat awal di mana kajian selidik pasaran melalui kaedah Pelawaan Memberi Maklumat (RFI) sedang dilakukan SPAD dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Projek ECRL dianggarkan bernilai RM55 bilion ini akan menjadi pemangkin ekonomi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) membabitkan negeri-negeri Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebahagian timur laut Johor.

Projek ECRL sepanjang 688km dari Port Klang ke Tumpat merentasi bandar utama seperti Gombak, Bentong, Mentakab, Kuantan, Kemaman, Kerteh, Kuala Terengganu dan Kota Bharu.

Negara China dipilih kerana tidak ada negara lain yang mampu menawarkan skim pembiayaan yang menarik seperti diberikan oleh China iaitu seperti berikut:

- kadar faedah yang rendah

- tiada pembayaran balik prinsipal dalam 7 tahun pertama projek tersebut

Manfaat ECRL:

- Menambah baik jalinan (connectivity) bagi bandar-bandar utama di wilayah Selatan. yang mampu mempercepatkan perjalanan ke negeri-negeri di Pantai Timur (kira-kira hanya 6 jam berbanding 12 jam menerusi laluan KTM sedia ada)
- Merencanakan lagi pembangunan di negeri-negeri Pantai Timur dan sekali gus merapatkan jurang pembangunan antara negeri terlibat dan negeri-negeri lain khususnya di Wilayah Barat.
- Meningkatkan lagi trafik kargo di sepanjang laluan keretapi Malaysia kerana ia melibatkan kawasan-kawasan perindustrian dan disebabkan oleh pengurangan kos operasi keretapi yang memenuhi keperluan operasi syarikat kargo terkemuka.
- Mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan untuk masyarakat di sebelah Pantai Timur.
- Menjadi satu *game changer* yang akan membawa gelombang pembangunan baharu bagi merealisasikan potensi sosioekonomi Pantai Timur. Ia akan menjadi tunjang infrastruktur pengangkutan bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Kajian yang dijalankan oleh McKinsey & Company mengatakan bahawa ECRL mampu menyumbang RM50.1 bilion kepada KDNK dalam masa 54 tahun operasi:

- i. RM39.4 bilion hasil dari kerja-kerja pembinaan selama 18 tahun;
- ii. RM9.4 bilion hasil dari aspek sosio-ekonomi (penjimatan buat para pengguna); dan

iii. RM1.3 bilion dari kesan ekonomi yang lebih luas

Dalam konteks One Belt One Road (OBOR) yang dijayakan oleh China, ECRL mampu menjadi antara tunjang utama untuk menghubungkan Malaysia dan negara lain. Ia juga akan mengukuhkan lagi kedudukan strategik Malaysia sebagai pintu masuk ke rantau ASEAN.

d) Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP)

Projek Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP – *Malaysia-China Kuantan Industrial Park*) dan Taman Perindustrian Qinzhou China-Malaysia (CMQIP) merupakan projek taman Perindustrian Malaysia yang pertama dibangunkan oleh Malaysia dan China.

MCKIP secara strategik terletak di Wilayah Ekonomi Pantai Timur, menghadap ke Laut China Selatan dan mempunyai akses pintu masuk ke potensi pertumbuhan yang besar dari pasaran ASEAN dan Asia Pasifik, dan pasaran di seluruh dunia. MCKIP mempunyai keluasan sebanyak 3,000 ekar dan memberi fokus kepada sektor perkilangan seperti industri logam, jentera dan peralatan, teknologi hijau, tenaga boleh diperbaharui, minyak dan gas, petrokimia, bahan binaan, elektrik dan elektronik dan sektor perkhidmatan lain seperti kejuruteraan laut dan kapal, kewangan, insurans, logistik, R&D dan pameran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
(TUMPAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah perkembangan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan bilakah projek ini dijangka siap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek yang penting bagi merealisasikan aspirasi untuk menjadikan ekonomi negara terutama di Wilayah Pantai Timur yang lebih mampan, sekaligus meletakkan sektor pengangkutan awam negara pada tahap yang lebih moden dan efisien. Oleh yang demikian, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan

Diperbadankan telah diberi tanggungjawab selaku pemilik projek untuk mengawal selia dan memantau perkembangan terkini projek mega ini agar dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir suku kedua tahun 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat, Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) yang merupakan satu keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2017 yang lalu. Sesi yang berlangsung selama 90 hari tersebut telah bermula pada 8 Mac 2017 dan berakhir pada 7 Jun 2017 dan dilaksanakan di 38 lokasi terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, bertempat di pejabat-pejabat daerah termasuk ibu pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan MRL. Tujuan utama Sesi Pemeriksaan awam diadakan adalah bagi mempamerkan cadangan laluan kereta api dari Wakaf Bharu, Kelantan hingga Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak, Selangor. Sesi tersebut juga turut mempamerkan lokasi stesen pertukaran dengan landasan sedia ada dan memberi penjelasan terperinci berkaitan projek ECRL kepada orang awam. Maklumbalas yang diperoleh mendapati bahawa sebanyak 95% responden menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi nasional ini.

Selain itu, pihak MRL juga telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Awam Darat pada 23 Jun 2017 manakala kelulusan laporan EIA (*Environmental Assessment Report*) pula telah diterima dari pihak Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017. Berdasarkan perkembangan ini, Kerajaan yakin kerja-kerja pembinaan projek ECRL akan dapat dimulakan pada tahun ini.

NO. SOALAN : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TANJONG PIAI

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani laluan pelancongan ke kawasan Kukup yang masih gelap khususnya di laluan Pekan Nanas–Belokok–Telok Kerang agar pelancong merasa lebih selamat dan selesa apabila melalui laluan tersebut pada waktu malam.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) sentiasa prihatin kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangun atau dinaiktarafkan. Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di kawasan Kukup. Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPEN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membangunkan industri pelancongan khususnya di kawasan Parlimen Tanjung Piai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG
(TEBRAU)**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan menggalakkan kenderaan-kenderaan pengangkutan awam menggunakan 'solar panel' sebagai sumber tenaga yang mesra alam sekitar memandangkan sudah ada pengusaha tempatan yang berkebolehan mengeluarkan bas-bas yang memakai 'solar panel'.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seiring dengan hasrat Dasar Automotif Negara 2014 yang mahu menjadikan Malaysia sebagai hab kenderaan cekap tenaga (*energy efficient vehicles* - EEV) serantau menjelang tahun 2020, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) kini sedang mencekiti untuk menjadikan EEV sebagai salah satu keperluan utama dalam dasar dan program-program pengangkutan awam darat di Malaysia.

2. Namun pada masa ini, SPAD tidak mempunyai perancangan bagi penggunaan solar panel sebagai sumber bahan api alternatif untuk pengangkutan awam khususnya bas.

3. Kini, pengusaha atau pengendali perkhidmatan bas adalah digalakkan untuk menggunakan kenderaan EEV, namun penggunaannya tidak diwajibkan. Ini kerana pada masa ini, tumpuan dan fokus kepada perkhidmatan bas adalah untuk memastikan mereka mampu untuk terus beroperasi dan menawarkan perkhidmatan yang baik. Oleh yang demikian, pengusaha atau pengendali bas pada masa ini masih lagi bebas memilih untuk membeli dan menggunakan kenderaan yang mampu mereka miliki.

4. Walaubagaimanapun, SPAD sedang merancang untuk menggalakkan penggunaan EEV seperti bas elektrik ke dalam projek pengangkutan awam di bawah seliaannya seperti Skim Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) serta lain-lain program pengangkutan awam yang akan dijalankan kelak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB. Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan pendekatan kreatif dan di luar kebiasaan menarik pelancong datang ke Malaysia dan sekali gus mendapatkan pulangan ekonomi dengan tidak menggunakan langkah menakutkan mereka dengan mengenakan cukai pelancongan

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan cukai pelancongan tidak akan menakutkan atau menjejaskan kedatangan pelancong asing ke Malaysia. Malah pelaksanaan cukai berkenaan akan memberikan kesan positif kepada sektor pelancongan negara. Ini adalah kerana hasil kutipan cukai tersebut akan digunakan untuk mempromosikan Malaysia dengan lebih agresif lagi di pasaran antarabangsa. Tambahan lagi, cukai yang akan dikenakan itu adalah sangat rendah nilainya jika dikira dalam matawang asing.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menarik lebih ramai pelancong asing melawat Malaysia, pelbagai usaha sedang dilakukan oleh Kementerian ini melalui Tourism Malaysia menerusi pendekatan yang terkini dan kreatif. Pendekatan-pendekatan yang diambil ini turut mengambil kira tindakbalas positif pasaran dan segmen yang disasarkan terhadap inisiatif-inisiatif berdasarkan "*market needs*" dan platform sesuai yang perlu digunakan.

Sebagai contoh, bagi pasaran China, satu rangkaian kerjasama telah dijalin dengan Alibaba.com melalui pembangunan Alitrip Malaysia Tourism Pavilion (MTP) di dalam portal pelancongan Alitrip yang telah memulakan operasi pada bulan April 2017. MTP adalah sebuah portal e-dagang yang

menjual produk-produk dan pakej-pakej pelancongan kepada pelancong China terutama di kalangan 200 juta pengguna Alitrip. Setakat ini, sebanyak 42 pemain industri yang terdiri daripada agen pelancongan, pengusaha hotel dan pemilik produk pelancongan telah menyertai MTP. Lebih daripada 100 produk telah dipaparkan di dalam MTP yang terdiri daripada penginapan, pakej/aktiviti, tarikan pelancongan, taman tema, baucar membeli belah dan sebagainya. Untuk merencanakan lagi promosi MTP di kalangan pengguna portal Alitrip, sebuah kempen promosi iaitu '*Summer Campaign 2017*' sedang dilaksanakan bermula dari 16 Jun 2017 dan akan berakhir pada 15 Ogos 2017 yang memberi fokus kepada '*Promoting Travel and Shopping Tourism in Malaysia to Chinese Travelers*'. Ia menyediakan peluang kepada pelancong China membuat perancangan dan tempahan untuk percutian ke Malaysia sempena musim panas ini. Kempen ini turut dipromosikan secara agresif melalui platform Alitrip seperti Taobao Mobile App, Alipay Mobile App dan Alitrip PC yang dijangka melibatkan 50 juta *impressions*.

Usaha-usaha pemasaran juga dijalankan bagi membawa masuk penerbangan sewa khas (*Charter Flight*) melalui kerjasama dengan pengusaha pelancongan dan syarikat penerbangan. Pendekatan ini bertujuan menyediakan "*connectivity*" dari bandar-bandar "*2nd and 3rd tier*" yang tidak mempunyai penerbangan berjadual (*scheduled flights*) ke Malaysia. Promosi "*charter flight*" ini juga menyediakan hubungan udara terus ke destinasi luar Kuala Lumpur seperti Sabah yang sedia menerima jumlah pelancong yang tinggi dari China. Bagi tahun 2016, sejumlah 374,939 pelancong China telah melawat negeri ini. (Sumber: Sabah Tourism Board)

Penganjuran *ASEAN Media Bloggers Tourism Hunt* adalah juga satu konsep menarik untuk mempromosikan Malaysia di luar negeri di mana 50 media *blogger* terkenal dari 10 negara ASEAN telah menyertai program suaikenal yang melibatkan beberapa produk dan destinasi antaranya Dataran Merdeka, Batu Caves, Ipoh, Kuala Kangsar dan Putrajaya. Program kali kedua yang diadakan ini adalah bagi meneruskan promosi produk-produk pelancongan baru di pasaran ASEAN. Media *bloggers* yang terpilih ini boleh membantu memberikan publisiti mengenai lawatan mereka yang berkonsepkan “*treasure hunt*” melalui video dan fotografi dengan menggunakan saluran media sosial seperti Facebook dan Instagram. Ini merupakan satu cara kreatif tanpa melibatkan kos yang tinggi tetapi memberikan publisiti secara meluas.

Tourism Malaysia juga mengadakan acara seperti *ASEAN Celebrity Explore Quest* dengan melibatkan penyertaan selebriti-selebriti dari negara ASEAN untuk memberikan publisiti bagi aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan semasa di Malaysia. Penglibatan para selebriti ini diharapkan dapat memberikan impak positif mengenai Malaysia.

Bagi pasaran India pula, platform Bollywood digunakan di dalam promosi pelancongan negara. Program-program seperti *Annual International Indian Film Academy (IIFA) & Awards* digalakan penganjurannya di negara yang berupaya menjana publisiti yang tinggi di samping pakej-pakej yang diperkenalkan bagi menyaksikan program ini kepada pelancong-pelancong India. Inisiatif-inisiatif juga diadakan untuk menggalakan penggambaran filem Bollywood dan Kollywood di Malaysia.

Kemudahan mendapatkan visa bagi warga India akan menambahkan lagi peluang untuk meningkatkan kedatangan pelancong India ke Malaysia.

Program Duta Pelancongan pula melibatkan penggunaan perkhidmatan individu-individu Malaysia yang berpengaruh dan terkenal dalam pelbagai bidang sama ada berada di dalam atau luar negara bagi mempromosikan produk-produk pelancongan negara dan segmen-segmen tertentu di kalangan sahabat handai, peminat dan rangkaian kenalan selebriti terbabit.

Dalam era digital ini, Tourism Malaysia tidak ketinggalan memperkasakan promosi melalui platform tersebut untuk pasaran domestik dan antarabangsa. Antara kaedah-kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. Laman Web Rasmi – www.malaysia.travel;
- ii. Laman Media Sosial Rasmi;
- iii. Saluran *Online TV* - TrulyAsia.tv yang memaparkan “*On Demand Videos*” secara online cara untuk menembusi pasaran yang sukar ditembusi melalui pengiklanan konvensional (*billboard/print ad*) seperti di Amerika Selatan. Pengiklanan konvensional di pasaran ini dikenalpasti jauh lebih mahal daripada pasaran lain. Platform ini memastikan paparan video dapat disiarkan dengan pantas dan stabil ke seluruh dunia; dan
- iv. Tourism Malaysia juga telah membangunkan *e-brochure (paperless)* yang boleh diakses di mana-mana di seluruh dunia secara digital.

Tourism Malaysia juga mengadakan kerjasama pintar (*smart-partnership*) dengan syarikat penerbangan seperti *Singapore Airlines*, *Etihad Airways*, *Air Asia*, *China Airlines* dan beberapa lagi syarikat penerbangan yang lain bagi menggunakan 'consumer database' dalam usaha meningkatkan capaian menerusi platform digital.

Terdapat banyak lagi usaha-usaha yang dilaksanakan secara berterusan oleh Tourism Malaysia dalam meningkatkan imej serta pendedahan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terkemuka. Ia akan dilaksanakan sesuai dengan peredaran teknologi semasa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
(PADANG BESAR)**

**TARIKH : 24.07.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah penjelasan pihak Kementerian tentang penyelenggaraan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dari berlakunya kemalangan pesawat seperti kemalangan yang terjadi kepada pesawat Hawk 108 baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja-kerja Penyelenggaraan Pesawat Hawk milik TUDM dilaksanakan berlandaskan kepada Manual Senggaraan yang dibekalkan oleh British Aerospace (BAE) selaku pengeluar Pesawat Hawk (OEM). Kaedah penyelenggaraan yang digunakan sama seperti yang dipraktikkan pengguna-pengguna Pesawat Hawk daripada Tentera Udara Negara-negara yang lain.

NO. SOALAN: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB. Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan rasional cukai pelancongan dilaksanakan dan sejauh mana ianya memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cukai Pelancongan merupakan cukai Persekutuan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 yang dikenakan terhadap pelancong tempatan dan asing yang menginap di premis penginapan berbayar di seluruh Malaysia. Pelaksanaannya merupakan suatu usaha Kerajaan dalam memacu industri pelancongan dan kebudayaan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2015, industri pelancongan telah menyumbang sebanyak 14.4% daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 10.4% pada tahun 2005. Sebanyak 2.92 juta pekerjaan (atau 1 daripada 6 pekerjaan) telah diwujudkan pada tahun 2015, berbanding 1.51 juta pekerjaan (atau 1 daripada 7) pada tahun 2005. Seiring dengan peningkatan sumbangan industri pelancongan kepada ekonomi negara, pelaksanaan Cukai Pelancongan ini adalah tepat pada masanya demi memastikan kelestarian industri ini dalam menjana sumber pendapatan negara.

Melalui Cukai Pelancongan, industri pelancongan negara kita akan lebih berdaya maju disebabkan adanya sumber yang mampan (*sustainable*) yang berupaya melonjakkan industri ini melalui pembangunan pelbagai subsektor yang pastinya akan memberi manfaat kepada pelancong dan rakyat serta seterusnya menjana ekonomi setempat. Pulangan cukai ini juga akan menyediakan sumber kewangan tambahan kepada industri pelancongan bagi tujuan aktiviti promosi serta pemasaran yang lebih agresif dan efektif.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : ⁷⁵~~74~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP

[SEKIJANG]

TARIKH : 24 JULAI 2017 (Isnin)

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan bersetuju dan bersedia untuk menubuhkan pasukan governance quantum leap bagi memperbaiki tadbir urus dan kawalan perniagaan di peringkat kumpulan dan subsidiary Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) seperti yang telah dicadangkan dari hasil laporan bebas berkenaan kemelut syarikat tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai perkembangan semasa FGV baru-baru ini, kerajaan telah melantik Dato' Seri Idris Jala untuk membuat siasatan bebas.

Cadangan daripada badan bebas kepada FGV antaranya adalah untuk fokus kepada tiga perkara iaitu mengukuhkan tabdir urus korporat dan kawalan perniagaannya, menjalankan semakan perniagaan secara komprehensif dan juga menjalankan siasatan dalaman dengan penuh integriti. Menerusi tindakan-tindakan ini, Kerajaan yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Berikutan dari itu, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Pemangku Pengerusi FGV bagi menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang telah meletakkan jawatan.

Di peringkat dalaman FGV, Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Khairil Anuar Aziz memangku tugas Ketua Pegawai Eksekutif bagi menggantikan Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (BEC) yang diumumkan sebelum ini. Dato' Khairil berperanan memastikan operasi perniagaan berjalan seperti biasa sementara proses siasatan dalaman (*Domestic Inquiry – DI*)

dijalankan terhadap Ketua Pegawai Ekektuf, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi Pengurusan Kanan.

Berkenaan dengan proses siasatan dalaman, FGV telah melantik tiga panel bebas untuk menjalankan siasatan bermula 24 Julai 2017 bagi memastikan semua proses dijalankan secara telus dan mengikut undang-undang.

FGV juga telah mengumumkan dua wakil FELDA untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah FGV iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Encik Ab Ghani Mohd Ali. Manakala Datuk Muzammil sebagai Pengarah gantian. Ini akan memberi ruang kepada FELDA untuk memainkan peranan lebih besar dalam FGV dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan Peneroka.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 76

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah garis panduan dan peraturan yang boleh digunakan oleh Lembaga Pelabuhan Klang bagi memastikan sisa buangan kapal dan sisa buangan sampah domestik kapal tidak menjadi punca pencemaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelabuhan Klang (“LPK”) menggunakan peraturan dan garis panduan berdasarkan kepada Konvensyen Antarabangsa MARPOL 73/78 iaitu ***Annex I, Regulations for the Prevention of Pollution by Oil, Annex IV, pollution by sewage from ships dan Annex V, Prevention of Pollution by Garbage from Ships*** dan juga ***Part V A, Pollution from Ships*** dalam mengurus sisa buangan kapal dan sisa buangan sampah domestik kapal.

Pelabuhan perlu menyediakan kemudahan bagi penerimaan sisa buangan kapal dan sisa buangan domestik kapal. Berdasarkan kepada keperluan di bawah Konvensyen tersebut, LPK telah menyediakan *Shore Reception Facilities* (premis/tapak pelupusan) yang terletak di luar kawasan pelabuhan dan dikawalselia oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK). Berdasarkan Konvensyen Antarabangsa MARPOL dan *Merchant Shipping Ordinance (MSO) 1952*, kapal-kapal juga adalah dilarang membuang sisa buangan kapal dan sisa buangan sampah domestik kapal ke laut.

Mana-mana syarikat yang mengambil sisa buangan kapal dan sisa buangan sampah domestik kapal pula perlu mendapatkan lesen daripada LPK untuk tujuan tersebut. Bagi mendapatkan lesen berkenaan pula, syarikat perlu mematuhi syarat-syarat permohonan lesen dan hanya syarikat yang mematuhi syarat sahaja akan diberikan lesen.

Antara syarat permohonan yang khusus bagi pengambilan sisa buangan kapal dan buangan sampah domestik kapal adalah seperti berikut:-

- i) Lesen dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) lengkap dengan Jadual Pematuhan dan Kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Perbentungan atau Indah Water Konsortium – bagi permohonan Lesen Penerimaan Sisa Buangan Kapal Berjadual (*Reception Facility for Ship Schedule Waste*) bagi kategori **Annex I dan Annex IV, MARPOL** ; dan
- ii) Lesen/Kelulusan dari Majlis Perbandaran Klang atau Alam Flora – bagi permohonan Lesen Sisa Buangan Sampah Domestik Kapal (*Garbage Disposal*) bagi kategori **Annex V, MARPOL**.

Tuan Yang di-Pertua,

LPK dan Operator Terminal sentiasa bekerjasama dalam memastikan sisa buangan kapal dan sisa buangan domestik kapal diuruskan dengan baik dan memastikan pelabuhan tidak menjadi punca kepada pencemaran di kawasan Pelabuhan Klang. Prosedur yang sedia ada juga akan melalui proses penambahbaikan bagi meningkatkan lagi pengurusan dan kawalan pencemaran yang berpunca daripada sisa buangan kapal dan sisa buangan domestik kapal daripada berlaku di pelabuhan.

NO. SOALAN : 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN
BUJANG**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 77

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengawal perairan Laut China Selatan di Sarawak dari pencerobohan nelayan asing dan berapa banyak tangkapan bot nelayan asing sejak Januari 2017 hingga sekarang bagi negeri Sarawak sahaja.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia Coast Guard (Maritim Malaysia) amat memandang serius masalah pencerobohan nelayan asing di kawasan perairan Negara khususnya negeri Sarawak. Oleh yang demikian, terdapat beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Agensi bagi memastikan semua aset dapat beroperasi sepanjang masa seperti berikut:

- a) Pada masa kini *Malaysia Coast Guard* (MCG) telah meningkatkan rondaan dan kehadiran dengan mengoperasikan 6 buah vesel setiap hari bagi Wilayah Maritim Sarawak sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan bot nelayan asing disamping mengekalkan 70% kesiapsiagaan aset sedia beroperasi pada setiap masa;
- b) *Malaysia Coast Guard* juga menjalankan kerjasama dengan Jabatan Perikanan Negeri Sarawak bagi menangani kegiatan mencuri hasil tangkapan laut milik negara. Justeru, isu berkaitan pencerobohan bot nelayan asing di laut dapat ditangani dengan lebih berkesan berdasarkan maklumat yang terkini dan tepat;
- c) *Malaysia Coast Guard* juga telah menerima sebuah kapal kelas OPV (*Offshore Patrol Vessel* - Kapal Peronda Luar Pantai) daripada kerajaan Jepun iaitu KM ARAU yang mana telah ditempatkan di Jeti Kota Kinabalu, Sabah. Penerimaan kapal ini membolehkan *Malaysia Coast Guard* menzahirkan kehadiran di laut dalam satu jangka masa yang panjang dan mengoptimumkan pengoperasian di perairan Laut China Selatan khususnya perairan Sarawak bagi mengawal kegiatan pencerobohan bot nelayan asing;

- d) Selain itu, pengawasan melalui udara juga terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan bot nelayan asing yang memasuki perairan negara dari semasa ke semasa; dan
- e) *Malaysia Coast Guard* juga menyahut seruan kerajaan dengan melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama-sama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti TLDM, PDRM, Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Jabatan Taman laut, dan Petronas bagi meningkatkan keberkesanan keselamatan di perairan Sarawak.

Berdasarkan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan sebanyak 14 tangkapan bot nelayan asing telah dibuat sepanjang tahun 2017 ini dengan perincian seperti jadual berikut:

SIRI	BOT (NEGARA)	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUMLAH
1	VIETNAM	2	0	0	0	8	4	14

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

**TARIKH : 24.07.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sebab-sebab untuk membenarkan tentera laut China mendarat dan mengisi minyak di pangkalan TLDM Teluk Sepanggar dan sama ada Kerajaan akan membenarkan tentera China menggunakan Sabah atau mana-mana tempat di Malaysia sebagai pangkalan tentera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia memandang serius terhadap setiap aspek yang melibatkan perairan dan kedaulatan negara. Tiada istilah membenarkan kapal tentera laut asing termasuklah dari negara China berlabuh di mana-mana pelabuhan atau pangkalan tanpa sebarang kebenaran dan kelulusan kerajaan. Kehadiran kapal tentera laut asing termasuk kapal Tentera Laut China di perairan wilayah Malaysia (Malaysia Territorial Waters) mahupun berlabuh di mana-mana pelabuhan atau pangkalan dibenarkan selepas mendapat kebenaran serta kelulusan diplomatik dari Wisma Putra. Sehingga kini, kehadiran kapal tentera laut negara asing termasuk dari China adalah bagi tujuan latihan atau lawatan persinggahan.

Kerajaan tidak pernah membenarkan Tentera China atau tentera dari negara-negara lain untuk menggunakan Sabah atau mana-mana tempat di Malaysia sebagai pangkalan tentera mereka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 24.7.2017

SOALAN :

Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang sejauh manakah perancangan pihak Kementerian dalam menyediakan sekolah-sekolah yang lebih memberi fokus dalam bidang kreatif dan teknologi selain dari sekolah-sekolah vokasional yang sedia ada dalam memastikan Malaysia mampu melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam bidang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan pendidikan yang disediakan mampu menyediakan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dan mampu bersaing di peringkat global. Antara strategi yang dilaksanakan ialah:

- i. Memasukkan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) secara eksplisit ke dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) setiap mata pelajaran bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

- ii. Melaksanakan Kursus i-THINK Dalam Talian (KiDT), Kursus i-THINK Luar Talian (KiLT) dan Kursus iTHINK Secara bersemuka (KiSB) kepada warga pendidik.
- iii. Mewujudkan sekolah model yang membudayakan KBAT sebagai rujukan di peringkat daerah melalui program penarafan 282 buah sekolah yang membudayakan KBAT.
- iv. Menaik taraf kurikulum TMK di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) melalui pelaksanaan Modul TMK yang diajar merentas kurikulum mata pelajaran. Di bawah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula, mata pelajaran Asas Sains Komputer di peringkat menengah rendah dan Sains Komputer di peringkat menengah atas diperkenalkan dengan memberi lebih penekanan kepada kemahiran pemikiran komputasional
- v. KPM juga memperkenalkan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2014 berteraskan kepada kemahiran mereka bentuk menggunakan teknologi dengan menggabungkan pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran iaitu teknikal, teknologi pertanian dan sains rumahtangga.
- vi. Di bawah pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mata pelajaran RBT diperkenalkan kepada murid mengenai kriteria reka bentuk menggunakan teknologi dalam pembinaan dan pembuatan produk.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 80

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan di setiap Daerah di negeri Terengganu selain daripada daerah Kuala Terengganu dan Kemaman khususnya di daerah Dungun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah mempunyai 3 buah pejabat dan pejabat cawangan iaitu di Besut, Kemaman dan UTC Kuala Terengganu yang beroperasi di Negeri Terengganu bagi menawarkan pelbagai kemudahan perkhidmatan kepada pelanggan.

Pada masa ini JPJ sedang mengkaji perluasan perkhidmatan di daerah-daerah lain untuk memperluaskan perkhidmatan dan membuka cawangan baharu. Sebagai langkah proaktif bagi menampung permintaan terhadap perkhidmatan JPJ, JPJ Negeri Terengganu turut mengadakan perkhidmatan kaunter bergerak ke kawasan yang memerlukan. Di samping itu, perkhidmatan asas JPJ juga boleh diperolehi di kaunter Pos Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI

TARIKH : 24.07.2017

SOALAN : NO. 81

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah drastik yang telah dilaksanakan untuk menangani kes-kes buli di IPTA yang semakin kerap berlaku kebelakangan ini, dan apakah benar lambakan filem dan drama mengandungi adegan ganas, antara punca yang menjadi penyebab ia berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memandang serius dan peka terhadap persekitaran pembelajaran kondusif serta selamat dalam menjamin kesejahteraan pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia. KPT juga tidak mengambil ringan terhadap permasalahan buli dan hal ini dibuktikan melalui peruntukan di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 di bawah Seksyen 15D yang dengan jelas menyatakan tentang penggantungan dan pembuangan pelajar yang dipertuduh atas suatu kesalahan jenayah atau kesalahan jenayah dibuktikan.

KPT juga telah menerbitkan buku *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi Kes-kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam yang turut menggariskan tentang proses kerja pra perbicaraan kes pelajar dituduh atas kesalahan boleh daftar di mana universiti awam (UA) mempunyai autonomi dalam membuat keputusan sama ada pelajar boleh digantung pengajian atau tidak sementara menunggu keputusan mahkamah terhadap kes yang dipertuduhkan. KPT ini berpendirian bahawa penguatkuasaan undang-undang adalah penting bagi memastikan kesalahan jenayah dalam kalangan pelajar dapat ditangani dengan lebih berkesan.

KPT sedang melaksanakan beberapa langkah proaktif bagi meningkatkan tahap keterlibatan (*engagement*) dan tahap kesedaran mengenai aktiviti buli di peringkat IPT, antaranya melalui kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguatkuasa lain bagi menjamin kebajikan dan keselamatan mahasiswa, memberi penjelasan mengenai impak negatif aktiviti buli dalam program yang melibatkan pelajar di IPT, meningkatkan tahap keselamatan di kolej kediaman dan memantapkan prosedur keselamatan sedia ada di peringkat IPT sebagai langkah pencegahan awal.

NO SOALAN : 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH
(SETIU)**

**TARIKH : 24.07.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan konflik Qatar dan negara-negara Teluk Arab terhadap ekonomi Malaysia serta pendirian Malaysia berhubung krisis tersebut apabila Qatar didakwa menyokong kumpulan pengganas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, tiada kesan terhadap ekonomi Malaysia ekoran daripada krisis yang berlaku di Timur Tengah. Kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius bagi mana-mana konflik yang berlaku antara negara yang mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang rapat dengan Malaysia. Kerajaan juga mengharapkan penyelesaian segera dan menyokong sebarang usaha damai bagi menyelesaikan kemelut ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR MICHEAL JEYAKUMAR
DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH JAWAPAN : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN

**YB DR MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan
mengapa Kerajaan Malaysia masih belum melaksanakan polisi
mewajibkan semua bangunan milikan Kerajaan dipasang panel solar di
sekurang-kurangnya 50% keluasan permukaan bumbung mereka.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah melaksanakan inisiatif untuk memasang panel solar di 25 buah bangunan Kerajaan dengan jumlah kapasiti sebanyak 670 kilowatt peak (kWp).

2. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih belum bercadang untuk mewajibkan semua bangunan milik Kerajaan dipasang dengan solar panel atas sebab-sebab berikut:
 - (a) pemasangan panel solar fotovolta melibatkan kos yang tinggi; dan
 - (b) pulangan terhadap kos pemasangan ini hanya akan diperolehi dalam tempoh 14 tahun bagi sesebuah bangunan bermula dari tarikh pemasangan iaitu sekitar tahun 2028 – 2030, bergantung kepada tarif elektrik semasa dan profil penggunaan tenaga elektrik sesebuah bangunan tersebut.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO. : 84

DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pencapaian semasa Malaysia di dalam pengurangan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) seperti yang telah diperakui semasa sidang Kemuncak Perubahan Iklim Copenhagen 2009 di mana Kerajaan Malaysia telah komited dengan pengurangan sehingga 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa persidangan UNFCCC COP-15 di Copenhagen, Denmark pada 2009, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan hasrat sukarela negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG sehingga 40% menjelang 2020 berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005. Pencapaian indikator sukarela ini adalah tertakluk kepada penerimaan bantuan kewangan, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti daripada negara-negara maju.

Pada 12 Disember 2015, semasa persidangan UNFCCC COP-21 di Paris, Perancis, Malaysia dan 195 negara parti kepada UNFCCC telah bersetuju menerima Perjanjian Paris. Malaysia telah meratifikasikan perjanjian tersebut pada 16 November 2016.

Bagi menyumbang kepada matlamat Perjanjian Paris untuk menangani isu perubahan iklim global dalam jangka masa panjang, Malaysia dan negara parti kepada UNFCCC yang lain perlu menyediakan dan mengemukakan Nationally Determined Contributions (NDC) kepada UNFCCC. NDC merupakan sumbangan negara kepada usaha global untuk menangani impak perubahan iklim.

Melalui NDC tersebut, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang 2030. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (unconditional) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (conditional) dan tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mencapai sasaran NDC negara, Kerajaan sedang membangunkan *Roadmap for Effective Implementation of NDC and Adoption to the Paris Agreement*. Roadmap ini dibangunkan untuk mengenalpasti strategi, kaedah, dan keperluan pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi oleh pelbagai sektor berkaitan bagi mencapai sasaran NDC negara.

Dalam masa yang sama, bagi mencapai sasaran NDC negara, kerajaan melalui kementerian dan agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) di bawah sektor-sektor utama GHG negara seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian serta perhutanan.

Inisiatif-inisiatif ini menyumbang secara langsung kepada sasaran pengurangan intensiti pelepasan GHG di dalam NDC negara.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan
[Temerloh]

TARIKH : 24 Julai 2017 (Isnin)

SOALAN : Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan
[Temerloh] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan tahap "jaminan
makanan" atau "food security" di negara
ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian Indeks Jaminan Bekalan Makanan Global tahun 2016 (*The Global Food Security Index – GFSI*) yang dijalankan oleh *The Economist Intelligence Unit*, Malaysia telah diletakkan di tangga ke-35 daripada 113 buah negara. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain dalam senarai GFSI, kedudukan Malaysia adalah di tangga ke-35 mendahului kedudukan negara-negara ASEAN yang lain selain daripada Singapura. Komponen utama yang diambil kira oleh GFSI adalah ketersediaan (*availability*), akses (*accessibility*), keselamatan dan nutrisi (*safety and nutrition*) serta kestabilan (*stability*) bekalan makanan.

Di samping itu, negara telah mencapai tahap jaminan bekalan makanan (*self-sufficiency level – SSL*) melebihi 100% bagi komoditi daging ayam/itik dan telur ayam/itik. SSL daging ayam/itik adalah sebanyak 104.5% dan telur ayam/itik adalah sebanyak 113.6%. SSL bagi komoditi agromakanan terpilih yang lain pula adalah seperti berikut:

i) Beras	=	72.3%
ii) Buah-buahan	=	80.8%
iii) Sayur-sayuran	=	56.7%
iv) Ikan	=	91.0%
v) Daging lembu/kerbau	=	23.5%

Kekurangan pengeluaran tempatan bagi memenuhi permintaan dalam negara juga ditampung melalui import bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate*, gandum, gula dan sediaan gula.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : ~~85~~ 86

PR-1352-L02671

Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rangka tindakan ekonomi digital negara. Adakah perlu pengubalan dasar baru ekonomi dalam zaman digital.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan dan rangka tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui Malaysia Digital Economy (MDEC) adalah sejajar dengan Dasar Transformasi Negara iaitu ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi yang mampan. Antara rangka tindakan yang dilaksanakan termasuk :

1. Menarik pelaburan berkualiti dari dalam dan luar negara dengan memberi penekanan terhadap bidang teknologi yang bernilai tambah tinggi. Dalam konteks ini, pelbagai galakan pelaburan

berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi menarik pelaburan strategik telah ditawarkan dan ditambahbaik secara berterusan.

2. Memperkasa syarikat tempatan yang berpotensi melalui pelaksanaan program pembangunan bagi membantu syarikat dalam memasarkan produk dan perkhidmatan serta mengakses kepada pasaran dan modal.
3. Memangkin pembangunan ekosistem digital ekonomi yang inovatif melalui :
 - (a) pengwujudan ekosistem eDagang yang mampan dan berdaya saing melalui pembangunan dan pelaksanaan Pelan Hala Tuju eDagang Kebangsaan (NeSR) yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta penubuhan Digital Free Trade Zone (DFTZ).
 - (b) pelaksanaan inisiatif yang menggalakan penerimaan, penggunaan dan pertumbuhan bidang teknologi baru dan strategik seperti Bid Data Analytics (BDA) dan Internet of Things (IoT).
 - (c) pembangunan bakat dan tenaga kerja berkemahiran yang dapat memenuhi permintaan industri masa kini dan akan datang.

SOALAN NO: 85

- (d) penawaran infrastruktur dan ekosistem persekitaran yang kondusif bagi pembangunan syarikat teknologi.
4. Merakyatkan ekonomi digital kepada golongan sasaran seperti golongan belia, usahawan kecil yang juga termasuk di bawah kumpulan B40 dan M40. Di bawah agenda ini, Kerajaan turut menawarkan faedah dan manfaat digital ekonomi kepada rakyat melalui program seperti eRezeki dan eUsahawan yang dilaksanakan bagi membantu rakyat menjana pendapatan tambahan secara digital.

Pendekatan dan pelaksanaan pelan tindakan pembangunan ekonomi digital ini akan diperkukuhkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 untuk mencapai negara berpendapatan tinggi dan maju serta akan diterapkan kesinambungannya dalam pelan Transformasi Nasional 2050.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga kini berapakah bilangan pelajar yang mengikuti Program Pendidikan PERMATA Pintar di Malaysia dan sejauh mana program ini mencapai objektif penubuhan PERMATA.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program PERMATA Pintar menggabungkan Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum PERMATA Pintar yang digubal secara khusus berteraskan pendidikan STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematic*). Ianya bertujuan menyediakan satu sistem pendidikan yang holistik bagi pelajar pintar dan berbakat. Kurikulum PERMATA Pintar membolehkan pendidikan murid-murid dipecutkan (*accelerate*) melalui kaedah pengayaan dan mampatan. Sijil Tamat Kolej PERMATA Pintar telahpun diiktiraf oleh *American College Board* dan beberapa universiti terkemuka dunia seperti *Cambridge University, Oxford University, Stanford University, Princeton University* dan *Cornell University*. Pengiktirafan ini membolehkan pelajar-pelajar PERMATA Pintar untuk melanjutkan pengajian ke institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara selepas tamat tingkatan 5.

Bilangan pelajar yang telah menamatkan pembelajaran di Kolej PERMATA Pintar dari tahun 2012 hingga 2016 ialah seramai 519 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, seramai 124 orang pelajar telah berjaya melanjutkan pengajian di universiti terkemuka luar negara seperti *John Hopkins University, Boston University, University of Iowa, New South Wales University, University of Sydney, University of Cambridge, Oxford University, Princeton University, Seoul National University* dan *University of Moscow*.

Manakala 395 orang pelajar pula telah melanjutkan pengajian di universiti dalam negara.

Sehingga kini seramai 35 orang pelajar telahpun menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda. Seramai 8 orang pelajar pula sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di universiti- universiti dalam dan luar negara. 2 orang pelajar pula telah diterima untuk melanjutkan pengajian terus ke peringkat Doktor Falsafah iaitu di *University of Oxford, United Kingdom* dan *Brown University, USA*. Sementara itu, seorang graduan PERMATA Pintar telah diterima bekerja di Syarikat Apple Incorporated di USA. Selainnya telah pun mempunyai pekerjaan masing-masing dalam pelbagai bidang.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan]

TARIKH : 24 Julai 2017

SOALAN : Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

a) Adakah Kementerian mempunyai maklumat mengenai daging-daging import dari luar negara yang dianggap tidak halal; dan

b) Jika ada sila terangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kebenaran untuk mengimport produk daging adalah berdasarkan kelulusan yang telah dikeluarkan oleh DVS dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk memastikan daging-daging yang diimport adalah selamat dan halal dimakan.

Pengimportan daging yang dibenarkan adalah daripada loji penyembelihan lembu/ kerbau/ kambing/ bebiri/ ayam/ ayam belanda (*turkey*) yang diluluskan oleh DVS dan JAKIM. Berdasarkan Seksyen 5, Akta Binatang (Pindaan) 2013, semua loji penyembelihan yang diluluskan telah memenuhi keperluan standard yang ditetapkan oleh kedua-dua Jabatan.

Pihak DVS juga bertanggungjawab terhadap pengimportan daging babi daripada loji penyembelihan yang memenuhi keperluan standard yang ditetapkan oleh DVS.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian bersedia mengharamkan pengeksporan logam bauksit sehingga kaedah perlombongan serta "SOP" nya disediakan oleh pihak yang berwajib. Adakah Kementerian sedar bahawa negara kerugian hasil disebabkan perlombongan bauksit ini dilakukan secara haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak bercadang untuk mengharamkan pengeksportan logam bauksit. Walau bagaimanapun Kementerian bersama-sama Kerajaan Negeri Pahang telah mengenakan moratorium terhadap perlombongan dan pengeksportan bauksit di negeri Pahang mulai 15 Januari 2016 susulan daripada isu pencemaran dan keselamatan yang berlaku di Kuantan, Pahang. Seterusnya, penganan moratorium tersebut telah disambung beberapa kali dan yang terkini disambung sehingga 31 Disember 2017 disebabkan ketidaksediaan pengusaha untuk mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di samping isu pengosongan *stockpile* sedia ada yang masih belum selesai.

Walaupun bagaimanapun, isu pencemaran dan keselamatan yang timbul akibat daripada aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit yang berlaku pada tahun 2015 telah ditangani dengan berkesan oleh Kerajaan.

Sementara itu, Kementerian ini telah mengadakan pelbagai sesi *engagement* termasuk mengadakan bengkel bagi membincangkan penambahbaikan yang perlu dibuat dalam aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit. Dalam hal ini, sebahagian besar prosedur yang dikenalpasti telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang merangkumi perkara berikut:

- (a) Pendaftaran lori pengangkut bauksit;
- (b) Pembangunan sistem *database* pengeluaran Dokumen Pemindahan Biji Mineral (Borang 13D);
- (c) Pemasangan *washing bay* di semua jalan keluar dari Pelabuhan Kuantan, *stockpile* bauksit dan kawasan lombong oleh pengusaha;
- (d) Menaiktaraf fasiliti Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman;
- (e) Pengukuhan peranan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri;
- (f) Penambahbaikan syarat-syarat permohonan Pajak Melombong / Lesen Melombong Tuan Punya;
- (g) Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Pelesenan); dan
- (h) Penambahbaikan prosedur kelulusan Lesen Eksport (AP) bagi Bauksit.

Bagi isu kehilangan hasil oleh Kerajaan Negeri, Kementerian ini menyedari terdapat kelemahan dalam prosedur sebelum ini yang mengakibatkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengutip royalti yang perlu dijelaskan oleh pengusaha. Dalam hal ini, penambahbaikan telah dilaksanakan dengan menyelaraskan maklumat antara Jabatan / Agensi dengan memastikan setiap royalti perlu dijelaskan terlebih dahulu oleh pengusaha sebelum dibenarkan untuk membuat permohonan AP baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**
TARIKH : 24 JULAI 2017
SOALAN : 45⁹¹

YB Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah graduan perubatan yang masih belum mendapat penempatan sehingga kini dan menjelaskan prosedur tersebut.

Tuan Yang Dipertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 3,387 graduan perubatan yang memperolehi pendaftaran sementara dari Majlis Perubatan Malaysia dan berdaftar serta lulus temuduga oleh SPA pada Januari hingga Mac 2017 telahpun diberi penempatan dan memulakan latihan siswazah secara berfasa. Fasa terakhir adalah pada 17 Julai 2017.

Berdasarkan rekod Suruhanjaya Perkhidmatan Awam baki calon-calon yang berdaftar dan belum dilantik selepas urusan temuduga pada bulan Mac sehingga Jun 2017 adalah seramai 904 orang. Tawaran

penempatan kepada pegawai yang telah melepasi tapisan akan dilaksanakan secara berfasa dan jangkannya mulai September 2017.

Tuan Yang Dipertua,

Proses pelantikan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) adalah melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Tindakan yang perlu diambil d oleh graduan perubatan ialah:

- i. mendapat surat pertimbangan Pendaftaran Sementara dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM).
- ii. memohon pelantikan sebagai Pegawai perubatan Gred UD41 kontrak melalui laman web SPA.
- iii. Calon yang memenuhi dan melepasi tapisan akan dipanggil ke sesi temuduga oleh SPA.
- iv. Senarai calon yang berjaya akan dimaklumkan SPA kepada KKM.
- v. KKM akan menawarkan penempatan kepada calon yang berjaya melalui Sistem e-housemen.

Selain daripada itu, dalam melaksanakan proses pengambilan ini, Kementerian dengan SPA telah menambahbaik prosedur pengambilan pegawai perubatan kontrak di mana senarai nama calon akan dikemukakan kepada pihak KKM untuk penempatan mengikut senarai turutan berdasarkan tarikh pegawai berdaftar dengan SPA secara atas talian setelah pegawai mendapat surat pertimbangan pendaftaran sementara daripada Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian merancang untuk menempatkan graduan perubatan secara berfasa setiap dua bulan bagi menjalani latihan siswazah. Walaubagaimanapun, pelantikan penempatan mereka masih lagi tertakluk kepada kekosongan slot latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah.

Bagi melahirkan Pegawai Perubatan yang kompeten dan selamat, pelbagai usaha telah dilaksanakan. Bermula pada tahun 2008, tempoh latihan siswazah dilanjutkan selama dua (2) tahun. Selain itu, terdapat penambahan bilangan posting alternatif bagi menampung keperluan latihan siswazah. Waktu bekerja fleksi diperkenalkan bagi Pegawai Latihan Siswazah. Kapasiti latihan siswazah adalah berdasarkan nisbah satu (1) Pegawai Perubatan Siswazah kepada empat (4) katil bagi memastikan mereka mendapat pendedahan mencukupi.

KKM juga sentiasa berusaha meningkatkan mutu latihan dan bilangan hospital yang menawarkan latihan siswazah. Pada masa ini, KKM mempunyai 46 buah Hospital Latihan Siswazah termasuk tiga (3) Hospital Pengajar (HUSM, HUKM, PPUM) dengan kapasiti untuk melatih Pegawai Perubatan Siswazah sebanyak 5,000 kemasukan setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu peningkatan graduan perubatan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan moratorium bagi program perubatan dalam negara yang dikuatkuasakan bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016 dan kemudiannya dilanjutkan lagi mulai 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2021. Moratorium ini meliputi dua perkara iaitu tiada program perubatan yang baru di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan. Bagi keluaran graduan luar Negara pula, ia adalah diluar bidang kuasa Kementerian Kesihatan;
- ii. menambah sebanyak 190 slot latihan lagi di tiga (3) buah hospital latihan siswazah iaitu Hospital Universiti Sains Malaysia, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang;
- iii. merancang untuk menambah fasiliti latihan siswazah yang baharu, contohnya Hospital Shah Alam; dan
- iv. meneruskan pengambilan Pegawai Perubatan Gred UD41 setiap dua (2) bulan sekali berdasarkan kekosongan slot latihan siswazah semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia prihatin dengan para graduan perubatan yang perlu menunggu dalam jangka masa yang lama sebelum dilantik untuk menjalani latihan siswazah.

Sementara menunggu untuk menjalani latihan siswazah, para graduan perubatan digalakkan untuk membuat latihan sangkutan (*attachment*

(dengan izin)) di mana-mana fasiliti perubatan samada kerajaan atau swasta.

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga bekerjasama dengan pihak organisasi bukan kerajaan seperti Malaysian Medical Association (dengan izin) bagi melaksanakan kursus pra latihan siswazah. Ini untuk membolehkan para graduan perubatan mendapat pendedahan serta membuat persiapan awal sebelum menjalani latihan siswazah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, graduan Perubatan hendaklah menjalani latihan siswazah di hospital yang telah diakreditasi sebagai Hospital Latihan Siswazah oleh Lembaga Kelayakan Perubatan seperti mana yang dinyatakan di dalam Seksyen 13 (2) Akta Perubatan 1971. Setiap hospital sama ada hospital kerajaan atau swasta yang ingin dijadikan Hospital Latihan Siswazah perlulah dinilai oleh Lembaga Kelayakan Perubatan dari segi beberapa syarat seperti berikut:

- i. Mempunyai sekurang-kurangnya 6 disiplin asas iaitu Perubatan Am, Pediatrik, Pembedahan Am, Ortopedik, Obstetrik dan Ginekologi serta satu disiplin alternatif (sama ada Kecemasan, Psikiatri atau Anestesia).
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Perubatan Residen (Medical Officer (dengan izin)) bagi setiap disiplin.
- iii. Mempunyai jumlah kes dan case-mix (dengan izin) yang mencukupi.

- iv. Mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk membantu perjalanan Latihan Siswazah seperti perpustakaan, bilik auditorium dan kemudahan tempat tinggal.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi hospital swasta yang ingin menjalankan Latihan Siswazah, selain daripada syarat-syarat yang telah dinyatakan sebelum ini, mereka juga perlu bersiap sedia untuk membayar gaji Pegawai Perubatan Siswazah dan menanggung kos insurans *medical indemnity* (dengan izin) serta sebarang isu *medico-legal* (dengan izin). Pesakit-pesakit di hospital swasta juga perlu bersedia untuk memberi keizinan untuk diperiksa oleh Pegawai Perubatan Siswazah.

Bagi graduan perubatan yang ingin menjalankan latihan siswazah di luar negara, buat masa ini Majlis Perubatan Malaysia telah mengiktiraf latihan siswazah di 4 buah negara iaitu di Australia, New Zealand, United Kingdom dan Ireland. Graduan Perubatan yang telah menjalani latihan siswazah di 4 buah negara tersebut boleh diberikan Sijil Pendaftaran Penuh tertakluk kepada kelulusan Majlis Perubatan Malaysia.

SULIT

NO. SOALAN: 92

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

RUJUKAN : 9947

SOALAN:

**Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan usaha membendung penularan
fahaman ekstrim yang subur untuk tindakan keganasan.**

SULIT

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengawal penularan fahaman ekstrem daripada terus berkembang di Malaysia dengan mengambil kira insiden yang telah berlaku di Puchong pada 28 Jun 2016 yang telah mencederakan seramai 8 orang awam. Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu dilakukan demi menjamin kedaulatan negara terus terpelihara dan keselamatan rakyat secara amnya terus terjamin.

Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

SULIT

SULIT

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.

SULIT

Selain daripada itu, beberapa pendekatan turut diambil bagi tujuan penambahbaikan kepada aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:

- (a) mempertingkat pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;**
- (b) kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia;**
- (c) meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan**
- (d) menjalin kerjasama dengan semua Agensi/ Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.**

SOALAN NO. : 93

**DEWAN NEGARA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA TUAN HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL HAMID (B)
[LUMUT]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN:

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan menghentikan Projek Tambak Pantai Teluk Muroh menyebabkan bau busuk dan tiada keselesaan penduduk setempat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Tambak Pantai Teluk Muroh berkeluasan lebih kurang 17.8 hektar bertujuan untuk membangunkan penempatan nelayan, infrastruktur asas, rekreasi, medan selera, kawasan pemunggahan hasil tangkapan nelayan dan tempat penyelenggaraan bot. Projek ini telah dimulakan pembinaan pada 1 Mac 2016 dan dijangka tamat pada 28 Februari 2018.
2. Berhubung dengan aduan bau busuk, siasatan mendapati bau selut di sekitar tapak projek adalahberpunca daripada dasar pantai yang berlumpur secara semulajadi dan terdedah kepada udara. Kerja pengorekan dasar pantai juga menyebabkan bau selut timbul. Kehadiran bau ini adalah bersifat sementara akibat daripada faktor semula jadi semasa kerja-kerja tambakan berjalan.
3. Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan memantau aktiviti ini bagi memastikan kesan bau ini dapat diminimakan agar kehidupan penduduk setempat tidak terganggu akibat daripada projek ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 94

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian terbaru Kerajaan berkaitan isu hidangan arak dalam pesawat MAS. Adakah Kerajaan boleh bersetuju dengan cadangan supaya pengharaman arak secara berperingkat dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tiada halangan berhubung cadangan untuk menghentikan hidangan arak dalam semua penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB). Walau bagaimanapun, MAB sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khususnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan minuman keras kepada penumpang.

Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna kerajaan dan MAB menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras.

Mulai 1 Januari 2016, MAB tidak lagi menghidangkan minuman keras untuk penerbangan di bawah 3 jam perjalanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) apakah kelayakan Paul Kear sebagai Ketua Jabatan
Kejuruteraan dan Penyelenggaraan Penerbangan Malaysia MAS;
dan

(b) adakah Jabatan Penerbangan Awam mengiktirafan Paul Kear
sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan MAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Encik Paul Kear adalah
Pengarah Teknikal bagi Bahagian Kejuruteraan dan Penyelenggaraan,

Malaysia Airlines Berhad (MAB). Tujuan utama Malaysia Aviation Group (syarikat induk MAB) melantik beliau adalah untuk memberi sumbangan teknikal kepada pihak pengurusan kanan melalui pengalaman dan pengetahuan mendalamnya selama lebih 25 tahun dalam bidang pengendalian operasi kejuruteraan dan penyelenggaraan kapal terbang di beberapa syarikat penerbangan asing seperti Qatar Airways dan Thomson Airways. Jawatan terakhir Encik Paul Kear sebelum bekerja dengan MAB adalah sebagai Naib Presiden di Qatar Airways.

Tuan Yang di-Pertua,

Encik Paul Kear tidak pernah dilantik sebagai Ketua Bahagian Kejuruteraan dan Penyelenggaraan, MAB. Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah mengiktiraf Encik Peter Bellew sebagai *Accountable Manager* (Pengurus Bertanggungjawab) dan Encik Eke Nazri Rahim sebagai *Continuing Airworthiness Management Nominated Post Holder* (Pemegang Jawatan Dicalonkan bagi Pengurusan Layak Terbang Berterusan) bagi Bahagian Kejuruteraan dan Penyelenggaraan MAB.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju atau tidak bersetuju secara prinsip mengenai penebusgunaan 2,000 ekar hutan paya gambut Hutan Simpan Kekal Sungai Pulai oleh projek Forest City untuk pembinaan lapangan golf, bangunan komersial dan kondominium/ villa mewah, dan adakah Kerajaan bersedia untuk menghadapi pembatalan Hutan Simpan Sungai Pulai dari pengiktirafan antarabangsa Ramsar Convention akibat penebusgunaan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa perkara-perkara berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kuasa Eksekutif Kerajaan Persekutuan hanya dalam hal-ehwal berkaitan latihan, kajian serta nasihat teknikal yang mana ianya dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi tujuan pelaksanaannya. Penubuhan dan pemansuhan Hutan Simpanan Kekal juga ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri sepertimana yang diperuntukan dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian 1985).

Sehingga 31 Disember 2016, seluas 8,334 hektar (20,593 ekar) kawasan hutan paya laut Sungai Pulai telah diwartakan di bawah Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian 1985) sebagai Hutan Simpanan Kekal Sungai Pulai. Kawasan ini merupakan salah satu daripada kawasan yang diistiharkan sebagai tapak Ramsar.

Soalan mengenai penebusgunaan tanah seluas 813 hektar (2,010 ekar) HS Sungai Pulai untuk Projek Forest City yang dibangkitkan oleh YB Kluang adalah sesuai dimajukan kepada Dewan Undangan Negeri Johor. Ini adalah kerana pihak Kementerian tidak mempunyai butiran terperinci mengenai projek berkenaan.

Sekian, terima kasih.

SULIT

NO. SOALAN: 98

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

RUJUKAN : 9948

SOALAN :

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar mengemaskini maklumat kad pengenalan (IC) kini hanya dilakukan dalam sistem dan tidak diperlukan untuk kad pengenalan ditukar sama sekali. Sejak bila kaedah pengemaskinian baru ini bermula.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan Peraturan 15[2](b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, pengemaskinian butiran alamat dalam cip Kad Pengenalan telah dilaksanakan sejak MyKad diperkenalkan pada tahun 2000. Perekodan butiran alamat baharu dalam cip tidak memerlukan gantian Kad Pengenalan dan pemohon akan diberikan kertas “Cetakan Kandungan Cip” yang boleh digunakan bagi urusan rasmi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU – DAP]
TARIKH : 24 JULAI 2017
SOALAN : 99

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelarian di Sabah seperti jumlah dan negara asal. Apakah tindakan Kerajaan dalam menyelesaikan isu pelarian yang masih tinggal di Sabah walaupun peperangan telah lama tamat.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terdapat seramai 136,055 pelarian di Sabah sehingga akhir 2016, dengan sebahagian besarnya berasal dari negara Filipina. Kerajaan kini sedang berusaha sedaya upaya untuk menghantar pulang “pelarian” ini ke negara asal mereka, tertakluk kepada prinsip *non-refoulement* di bawah *Universal Declaration of Human Rights 1948*. Namun, proses bagi penghantaran pulang “pelarian” ini mengambil masa yang panjang. Sementara “pelarian” ini masih berada di Sabah, Kerajaan menetapkan beberapa peraturan berkaitan pengurusan “pelarian” di Sabah seperti berikut:

- i. Hanya boleh tinggal di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- ii. Tidak boleh memiliki rumah atau hartanah.
- iii. Pemberian dokumen dari Jabatan Imigresen yang perlu diperbaharui setiap tahun.
- iv. Boleh bekerja dengan tujuan menyara kehidupan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
(BUKIT BENDARA)**

**TARIKH : 24.07.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai tekanan diplomatik yang sedang dihadapi oleh negara Qatar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius bagi mana-mana konflik yang berlaku antara negara yang mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang rapat dengan Malaysia. Kerajaan mengharapkan penyelesaian segera dan menyokong sebarang usaha damai bagi menyelesaikan kemelut ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK
KEMANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) secara terperinci mekanisme mengawasi syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan digital atau dalam talian ; dan
- (b) usaha-usaha untuk mengutip cukai daripada syarikat-syarikat seumpama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan cukai pendapatan ke atas perniagaan digital dan dalam talian dilayan sama seperti cukai pendapatan perniagaan

konvensional dan bukanlah satu perkara baharu. Pada masa ini, tiada peruntukan khusus berkenaan layanan terhadap cukai pendapatan perniagaan digital dan dalam talian di Malaysia. Menurut Seksyen 4, Akta Cukai Pendapatan 1967, pendapatan suatu perniagaan layak dikenakan cukai pendapatan setelah mengambil kira semua perbelanjaan layak dibenarkan dalam perniagaan dan pelepasan-pelepasan cukai yang layak dituntut oleh peniaga tersebut sebagaimana cukai yang dikenakan secara konvensional.

Bagi kadar cukai pendapatan ke atas individu yang menjalankan perniagaan digital dan dalam talian, ianya adalah bermula dari 0 peratus hingga 28 peratus mulai tahun taksiran 2016, manakala ke atas syarikat adalah 18 peratus dan 24 peratus. Pada 2013, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengeluarkan satu garis panduan berhubung cukai digital dan dalam talian yang dikenali sebagai 'Garis Panduan Percukaian Perdagangan Elektronik' dan panduan berkenaan boleh dimuat turun menerusi laman sesawang LHDNM.

Seterusnya, antara usaha dan mekanisme yang telah dijalankan oleh pihak LHDNM dalam mengawasi dan mengutip cukai syarikat yang menjalankan perniagaan digital atau dalam talian ialah dengan

menubuhkan satu Bahagian di peringkat Ibu Pejabat LHDNM yang bertanggung jawab menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:

Pertama;

Aktiviti yang dikenali sebagai *web mining* bagi mengesan mereka-mereka yang menjalankan aktiviti perniagaan secara dalam talian melalui:

- media sosial seperti *Facebook, Instagram, Twitter, Youtube*;
dan
- platform jual beli seperti *Lazada, Zalora, Mudah.my, Lelong*, dan blog.

Melalui kaedah *web mining* ini, data dikumpul bagi mengesan syarikat dan individu yang layak berdaftar dengan LHDNM dan juga mengenalpasti syarikat dan individu yang perlu diaudit kerana tidak melaporkan pendapatan mereka dari aktiviti perniagaan secara digital.

Kedua;

Inisiatif di bawah Kementerian Kewangan iaitu *Collection Intelligence Arrangement (CIA)* melalui kerjasama perkongsian data antara agensi

yang menggunakan pendekatan *big data*. Kerjasama ini secara langsung melibatkan LHDNM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang akan berkongsi data bagi meningkatkan kecekapan pengutipan dan tahap pematuhan cukai langsung dan cukai tidak langsung.

Langkah yang akan dilaksanakan di bawah inisiatif CIA ini melibatkan perkongsian data secara automatik bagi membolehkan LHDNM mengambil tindakan ke atas syarikat yang tidak membayar cukai pendapatan tetapi telah berdaftar dengan SSM atau telah berdaftar dengan JKDM di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. JKDM juga akan mengambil tindakan secara bertimbal balas dengan mendapatkan data syarikat yang berdaftar dengan LHDNM dan SSM tetapi tidak berdaftar dalam sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha baru yang dilakukan oleh kerajaan bagi mendaftar 3 juta rakyat yang layak mengundi tetapi masih belum mendaftar sebagai pengundi. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan pendaftaran automatik untuk semua warga negara yang mencapai umur kelayakan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menarik lebih ramai warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli-belah, pusat rekreasi, kawasan penempatan penduduk, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan pusat-pusat latihan yang berkaitan. SPR juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program berkaitan.

Selain itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di kaunter pendaftaran pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Pos serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

SPR turut mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pelbagai saluran media dan juga melalui program turun padang/*outreach*. SPR juga telah mengadakan pendekatan pendaftaran pemilih secara bergerak (*mobile*) dengan menggunakan kenderaan karavan. Dengan adanya kemudahan tersebut, ia membolehkan SPR menjalankan program turun padang dengan lebih agresif dan

seterusnya memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pemilih.

Berhubung dengan cadangan pendaftaran pemilih secara automatik, Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi suatu bahagian pilihan raya bagi membolehkannya untuk mengundi dalam sesuatu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Oleh yang demikian, cadangan untuk menjadikan pendaftaran pemilih secara automatik adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan pada masa sekarang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 103

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Puan Hajah Fuziah Binti Salleh
[Kuantan]**

TARIKH : 24 Julai 2017

**SOALAN : Puan Hajah Fuziah Binti Salleh minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

perkembangan penubuhan Kumpulan Keselamatan Nelayan (KUKENAL) yang ditubuhkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan program yang dilaksanakan di bawah KUKENAL.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kumpulan Keselamatan Nelayan (KUKENAL) yang ditubuhkan pada 12 November 2015 merupakan inisiatif Kerajaan (extension program) dalam mempertingkatkan libaturus (engagement) Kerajaan dan komuniti nelayan di seluruh negara. Mereka berperanan dalam membantu kerja-kerja bencana alam dan menyelamatkan mangsa kemalangan di laut dan darat. KUKENAL merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang cekap serta ditubuhkan sebagai salah satu unit di bawah seliaan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK). Sehingga kini sebanyak 88 buah KUKENAL telah ditubuhkan di seluruh negara melibatkan penyertaan seramai 2,240 orang anggota.

Bagi melahirkan anggota KUKENAL yang berkemahiran, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam memberi latihan kemahiran keselamatan di laut seperti pengenalan kepada PFD (*personal floating device*), latihan rawatan pemulihan sistem pernafasan (CPR), teknik balutan dan menyelamatkan mangsa di laut.

LKIM turut bekerjasama dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam menggunakan aplikasi Kesedaran Keselamatan Komuniti Maritim (K3M) sebagai saluran komunikasi agensi penguatkuasa bagi *crowd-sourcing* maklumat yang pantas dan tepat dalam membantu memastikan keselamatan perairan negara.

Sehingga bulan Julai 2017, seramai 180 ahli KUKENAL telah terlibat di dalam 7 operasi mencari dan menyelamatkan di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN R. SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24.07.2017

Y.B. TUAN R. SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian akan meminda undang-undang sedia ada atau membuat dasar pruden berkaitan pengambilan deposit supaya tidak dieksploitasi oleh pengendali-pengendali haram permainan wang (illegal money-game operators).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan 'money game' di Malaysia diperuntukkan di bawah beberapa akta dan tertakluk di bawah bidang kuasa agensi-agensi

penguatkuasaan seperti berikut :

- i) Bank Negara Malaysia (BNM), untuk kesalahan pengambilan deposit secara haram;
- ii) Polis DiRaja Malaysia (PDRM), untuk kesalahan berunsur penipuan;
- iii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), untuk kesalahan menjalankan perniagaan skim piramid;
- iv) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), untuk kesalahan berkaitan dengan skim kepentingan; dan
- v) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), untuk kesalahan berkaitan pelaburan sekuriti haram.

Oleh yang demikian, untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang di bawah bidang kuasa setiap agensi, satu inisiatif penguatkuasaan bersepadu telah ditubuhkan melalui sebuah jawatankuasa antara agensi penguatkuasaan yang diketuai oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) dan disertai oleh semua agensi yang berkaitan. *Platform* tersebut memberi peluang kepada semua agensi yang terlibat untuk membangkitkan isu-isu mengenai aktiviti '*money game*'.

Selain itu, jawatankuasa ini juga akan menilai pelaksanaan undang-undang yang sedia ada, serta membincangkan penyelesaian jangka masa panjang, termasuk keperluan sama ada undang-undang yang sedia ada mencukupi untuk membanteras skim pelaburan haram ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH : 24.7.2017

SOALAN : NO. 105

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kementerian pernah melakukan penyiasatan ke atas universiti swasta dan Pusat Bahasa Inggeris yang bersabit mahasiswa asing yang salah guna visa pelajar untuk bekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelajar-pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di Malaysia tidak menyalahgunakan visa pelajar untuk tujuan lain. KPT juga turut menjalankan siasatan terhadap aduan yang diterima daripada mana-mana pihak mengenai institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang mengambil pelajar antarabangsa.

Jika terbukti berlakunya penyalahgunaan visa oleh pelajar-pelajar di sesebuah IPTS dan IPTS terbabit didapati tidak mengambil

langkah kawalan yang sewajarnya, maka lesen pengambilan pelajar antarabangsa IPTS tersebut akan disyorkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya dibatalkan atau tidak diperbaharui. KPT turut bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari segi perkongsian maklumat dan pelaksanaan pemeriksaan bersepadu terhadap IPTS yang mengambil pelajar antarabangsa.

Pada tahun 2017, KPT telah mengambil tindakan pembatalan lesen pengambilan pelajar antarabangsa ke atas 6 buah IPTS manakala 8 buah IPTS tidak diperbaharui lesen pengambilan pelajar antarabangsa atas kegagalan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPT dan KDN. Walau bagaimanapun, tiada rekod salah guna visa pelajar antarabangsa dilaporkan di Pusat-pusat Bahasa.

Selain itu, KPT melalui Education Malaysia Global Services (EMGS) turut menyediakan maklumat yang komprehensif menerusi *Students Application and Registration System* (STARS) iaitu sebuah aplikasi permohonan visa atas talian, untuk tujuan pemantauan dan pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia. Akses kepada STARS juga diberikan kepada JIM dan PDRM untuk tujuan penyaringan permohonan visa. STARS merupakan langkah preventif yang diambil sebelum pelajar tersebut memasuki Malaysia atau diberikan pas pelajar oleh JIM.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH
BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 106

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelaksanaan projek-projek pembesaran dan baik pulih jalan dalam Parlimen Rantau Panjang sejak 2013 hingga kini.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2013 hingga kini, Kementerian ini telah melaksanakan sebanyak 46 Projek Jalan Kampung (PJK) di Parlimen Rantau Panjang sepanjang 22.56km keseluruhannya dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.74 juta.

Bagi projek di bawah Jalan Luar Bandar (JALB) pula, setakat ini tiada projek dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan lanjut yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan ekoran pembentangan laporan Jawatankuasa hak-hak Sabah yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Malaysia yang telah ditandatangani antara pihak British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai 1963 secara jelas menetapkan obligasi pihak-pihak untuk mengambil tindakan perundangan, eksekutif dan tindakan lain bagi mengadakan peruntukan untuk menjamin dan melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Perjanjian Malaysia telah dibuat melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang lain yang berkaitan.

Jawatankuasa Bersama Mengkaji *Empowerment* Secara Pentadbiran Kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak (JBMES) juga telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan diberi *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak secara berperingkat. Cadangan-cadangan JBMES yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak akan dilaksanakan secara berperingkat.

Pelaksanaan *empowerment* secara pentadbiran dan berperingkat adalah berdasarkan kepada ketetapan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara. *Empowerment* secara pentadbiran ini tertumpu kepada fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran

tanpa melibatkan implikasi perundangan yang memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang negara yang berkaitan, termasuklah perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Selain pelaksanaan penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tersebut, pada 11 Mei 2016 Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan *devolution of authority* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dilaksanakan berpandukan hak-hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Jemaah Menteri bersetuju supaya Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara, meneliti semua hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak termasuklah dari segi peraturan-peraturan sedia ada dalam pelaksanaan *devolution of authority* kepada Sabah dan Sarawak.

Susulan keputusan Jemaah Menteri itu, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil daripada Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Teknikal telahpun diadakan manakala Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa Pemandu akan diadakan dalam masa terdekat. Proses pelaksanaan *devolution of authority* ini merupakan suatu

proses yang berterusan dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan masih dijalankan.

Kedua-dua proses penurunan kuasa dan *devolution of authority* yang sedang dilaksanakan ini membuktikan keseriusan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mencari langkah penyelesaian yang terbaik bagi isu yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK
(SEREMBAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kompaun yang dikenakan oleh Bank Negara kepada syarikat 1MDB di atas kegagalan mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk membawa pulang wang yang diremitkan di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan yang dijalankan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) ke atas Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah berkaitan dengan pematuhan syarikat tersebut terhadap syarat kebenaran yang diberikan di

bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 (*Exchange Control Act 1953, ECA*) bagi pelaburan 1MDB di luar negara. Berdasarkan hasil siasatan, tindakan telah diambil terhadap syarikat 1MDB menurut bidang kuasa BNM di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan setakat ini, kompaun yang dikenakan telah dibayar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keuntungan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sejak tahun 2013 hingga kini mengikut tahun. Senarai program masyarakat yang menggunakan keuntungan 1MDB berserta kos bagi setiap program itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah terperinci hasil tahunan, perbelanjaan, penyata untung dan rugi dan aliran tunai yang dibuat oleh 1MDB ada dinyatakan di dalam Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit setiap tahun semenjak 2009 dan telah difailkan setiap tahun di Suruhanjaya

Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat terperinci Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit boleh dimuat-turun di laman web SSM.

Tuan Yang Dipertua,

Program-program kemasyarakatan 1MDB dijalankan oleh cabang tanggungjawab sosial korporatnya, iaitu Yayasan 1MDB. Yayasan 1MDB telah mengeluarkan perbelanjaan kira-kira RM690 juta untuk membantu mewujudkan peluang bagi kira-kira 2.8 juta rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang untuk membina masa depan yang lebih cerah. Kira-kira 60 program telah dilaksanakan oleh Yayasan 1MDB yang terbahagi kepada tiga aspek utama, iaitu pendidikan, peningkatan kualiti hidup dan pembangunan belia melalui kerjasama dengan pelbagai agensi.

Program-program pendidikan yang telah dijalankan oleh Yayasan 1MDB adalah termasuk:

- i. **Dana Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG):** Sebuah dana untuk PIBG daripada sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan di seluruh negara untuk menjalankan aktiviti pendidikan serta pembangunan prasarana secara kecil-kecilan

bagi mempertingkatkan serta melengkapkan program sedia ada yang dibangunkan Kerajaan;

- ii. **Biasiswa untuk pelajar sekolah-sekolah agama:** 1MDB berganding bahu dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menyediakan biasiswa dan geran akademik bagi pelajar yang layak daripada Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Menengah Agama Negeri untuk menyambung pelajaran dalam bidang perubatan, pergigian serta farmaseutikal;
- iii. **Geran Akademik 1MDB untuk Sekolah Persendirian Cina:** 1MDB berganding bahu dengan Dong Jiao Zhong dan Dana Pendidikan Huaren untuk menyediakan geran akademik bagi pemegang Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) daripada sekolah-sekolah Persendirian Cina untuk membantu mereka dalam mendapatkan pendidikan *tertiary*;
- iv. **Geran Akademik 1MDB untuk pelajar SMC:** 1MDB berganding bahu dengan Sri Murugan Centre (SMC) untuk menyediakan geran akademik bagi pelajar SMC yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat *tertiary*
- v. **Bantuan pendidikan untuk pelajar SPM/STPM:** 1MDB berganding bahu dengan Kementerian Pendidikan dan Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menyediakan bantuan pendidikan kepada pelajar yang layak serta mendapat keputusan baik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM); dan

- vi. **Pembinaan rumah arau:** 1MDB telah membina 12 rumah arau di kawasan pedalaman Sarawak bagi menyediakan tempat tinggal asas yang selesa untuk kanak-kanak prasekolah. Rumah arau merupakan rumah persinggahan yang terletak berhampiran sekolah khusus untuk penginapan sementara bagi kanak-kanak yang tinggal terlalu jauh untuk berulang-alik setiap hari. Oleh kerana terlalu muda untuk tinggal di asrama sekolah, kanak-kanak ini tinggal di rumah arau bersama ibu serta adik-adik mereka.

Antara projek-projek yang meningkatkan kualiti hidup pula adalah seperti berikut:

- i. **Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M):** Projek ini merupakan usaha sama dengan Kementerian Kesihatan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan asas berkualiti kepada golongan yang tinggal di kawasan perkampungan dan pedalaman;
- ii. **Projek Majudiri:** Ini merupakan projek perintis untuk

memperbaiki kualiti hidup usahawan kecil-kecilan dan golongan berpendapatan rendah dengan mempertingkatkan kemahiran insani (*soft skills*) teknik perniagaan;

iii. **Skim Kredit Mikro KOJADI:** Kolaborasi dengan Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (Kojadi) untuk membantu usahawan muda memulakan perniagaan atau memperluaskan perniagaan sedia ada.

iv. **Sumbangan kepada Institut Jantung Negara:** 1MDB telah menyumbang terhadap kajian Institut Jantung Negara untuk menggunakan teknologi baru bagi merawat regurgitasi injap mitral, menjadikan institut tersebut sebagai pusat terkemuka di Asia Tenggara yang menyediakan rawatan jantung ini.

Yayasan 1MDB juga telah menjalankan program-program untuk memperkasakan golongan belia yang dinamik dan bersemangat bagi mencungkil potensi mereka sepenuhnya melalui inisiatif pembangunan belia. Program Dana Belia 1Malaysia merupakan geran yang menyediakan platform bagi belia berusia antara 15 hingga 40 tahun untuk mengetengahkan impian, idea serta kreativiti mereka melalui projek yang menggalakkan perpaduan.

Tuan Yang Dipertua,

Program-program kemasyarakatan yang dikendalikan oleh Yayasan 1MDB telah pun tamat kecuali beberapa program di mana 1MDB masih tetap komited sehingga selesai.

Ini termasuklah Bantuan SPM/STPM bersama JPA dan Program Khas Haji Perdana Menteri yang akan menghantar seramai 1,100 orang bagi menunaikan ibadah haji tahun ini. Semenjak permulaan program khas ini, seramai 5,711 jemaah haji dipilih dari kalangan imam, ketua kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dari seluruh negara.